


JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

11 MAC-13 MAC 2014



**PARLIMEN MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGABELAS
2014**

JAWAPAN-JAWAPAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT
DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

11 MAC 2014 – 13 MAC 2014



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA : 11HB. MAC 2014

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 2, 4, 6, 8, 10 HINGGA 72)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lebih lanjut, model dan terma yang dicadangkan oleh Kerajaan berkaitan dengan Pelan Perdamaian Kebangsaan (National Reconciliation) seperti yang dilaporkan baru-baru ini.

JAWAPAN : DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABD RAZAK
YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum yang unik sejak merdeka lagi. Keunikan ini, yang didiami oleh rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya, bersatu membina dan membangunkan watan tercinta. Hakikat ini, turut diakui UNESCO dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Alhamdulillah, selama 56 tahun kita memerintah sehingga sekarang, Malaysia telah membangun begitu pesat, hinggakannya rakyatnya dapat hidup aman dan harmoni mengecapi nikmat kemakmuran negara.

Namun sejak kebelakangan ini, setelah berlalunya Pilihanraya Umum Ke-13, akibat politik adu domba dan persepsi negatif yang disebarkan oleh pihak-pihak tertentu, hubungan muhibbah yang disemai oleh Kerajaan selama ini mulai longgar. Kenyataan yang menyentuh sensitiviti antara agama dan masyarakat berbilang bangsa, telah menyebabkan polarisasi kaum menjadi renggang dan kian membesar. Keadaan ini, boleh merosakkan kerukunan dan keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Oleh kerana itu, kita perlukan Penyatuan Nasional atau *national reconciliation*. Penyatuan Nasional ini adalah ilham dan inisiatif Kerajaan untuk menambah baik hubungan kaum. Ia bukan sekadar *appeasement*. Konsep Penyatuan Nasional ini, selari dengan Gagasan 1Malaysia, yang bertujuan memupuk semangat kebersamaan di kalangan rakyat, untuk turut sama-sama berperanan membina negara Malaysia yang bersatu padu, dalam mendepani cabaran masa depan. Ini

tidak bermakna, Kerajaan akan melepaskan kepentingan nasional, hanya semata-mata untuk memenuhi kehendak atau tuntutan pihak-pihak tertentu.

Pelan penyatuan nasional ini, berteraskan kepada empat tunggak utama iaitu sosial, politik, kerajaan dan hubungan antarabangsa. Pelan ini lebih kepada melibatkan kolaborasi, pendirian bersama dan membina persefahaman demi kebaikan agama serta masyarakat.

Semestinya, bingkai kerangka penyatuan nasional ini berpaksi kepada Perlembagaan, Rukunegara dan Wawasan 2020. Manakala, pegangan *wassatiyah* atau kesederhanaan menjadi kunci dalam mendekati rakyat dan memulihkan kerukunan hubungan antara kaum.

Tuan Yang Dipertua,

Penyatuan Nasional ini terbahagi kepada dua. Pertama, di peringkat dasar, melalui penubuhan Majlis Konsultansi Perpaduan Negara atau MKPN. Ia menumpukan kepada beberapa bidang seperti perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara, membina bangsa dan persefahaman silang budaya, pembangunan inklusif, belia dan perpaduan serta integrasi nasional. Komposisi MKPN juga ada melibatkan mereka yang tidak bersama Kerajaan atau mempunyai pendirian politik yang berbeza. Di samping itu, MKPN boleh dijadikan landasan untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia, bagi merintis jalan ke arah mencari penyelesaian, mengatasi polarisasi kaum dan pemupukan keharmonian antara agama serta pembentukan dasar sosial yang inklusif dalam menentukan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Sesungguhnya, Kerajaan telah berusaha sedaya mungkin dalam membina hubungan baik dengan semua pihak dan golongan, termasuklah negeri-negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang. Sebagai contoh, Kerajaan Pusat telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar dan pimpinan Kerajaan negeri Kelantan, bagi merintis jalinan kerjasama dalam usaha membangun dan memajukan negeri tersebut.

Terkini, kita telah menyaksikan Memorandum Persefahaman atau MOU untuk penstrukturan semula industri air, yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Selangor dalam menyelesaikan isu air yang telah berlanjutan sejak 2008 lagi, demi kepentingan rakyat dan kemajuan bersama. Malah baru-baru ini, Kerajaan telah merasmikan projek jambatan kedua Pulau Pinang, yang kemudiannya diumumkan sebagai Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Inisiatif ini yang dimulakan oleh Kerajaan Persekutuan, walaupun negeri Pulau Pinang ditadbir oleh pembangkang.

Di peringkat kedua adalah *sosial grassroot movement*. Antara programnya ialah seperti pelancaran Skwad Uniti, yang dilancarkan pada 9 Mac 2014. Skwad ini melibatkan penggemblengan Kelab Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Mediator Komuniti di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Ia akan melebarluaskan program tradisi seperti kawalan keselamatan kepada program-program kesukarelawanan seperti gotong royong, bantuan bencana dan bantuan-bantuan kepada yang kurang upaya serta yang memerlukan.

Berkait itu juga, Kerajaan sentiasa komited dan bersifat terbuka, mengadakan dialog, melakukan sesi *engagement* dan perbincangan, dengan melibatkan pelbagai kelompok, komuniti dan pertubuhan, bagi memupuk semangat muhibbah, hubungan erat sesama rakyat, toleransi, patriotisme kepada negara.

Tuan Yang Dipertua,

Jelasnya, kita adalah kerajaan yang *walk the talk* dan berjiwa besar. *We must rise above party politic*, mengenyampingkan perbezaan ideologi, melakukan apa yang terbaik untuk rakyat dengan meletakkan usaha pembangunan dan pembinaan negara (*nation-building*) sebagai agenda teras utama. Ikhtiar dan inisiatif sebegini akan diteruskan demi mewajah masa depan negara Malaysia yang lebih aman, makmur dan sentosa.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
KAWASAN : POKOK SENA
TARIKH : 11 MAC 2014, SELASA

SOALAN:

YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- (a) sudah berapa kali pindaan pada terma-terma perjanjian dengan syarikat konsesi tol lebuhraya sejak perjanjian tersebut dimeteraikan, nyatakan apakah terma-terma yang telah dipinda; dan
- (b) apakah langkah-langkah masa depan dalam menangani kadar kenaikan tol bagi konsesi lebuhraya yang sepatutnya mendapat kenaikan kadar tol selain dari membayar pampasan.

JAWAPAN:

(a) & (b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Perjanjian Konsesi yang pertama telah ditandatangani oleh Kerajaan pada tahun 1984 dengan Shapadu Properties, klausa-klausa dalam perjanjian konsesi telah melalui penambahbaikan untuk menjaga kepentingan Kerajaan. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah klausa perkongsian hasil antara Kerajaan dan syarikat konsesi, penetapan *Key Performance Indicators* (KPI) untuk memastikan lebuh raya sentiasa berada dalam keadaan yang selesa dan selamat serta pengiraan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) syarikat untuk membolehkan penamatan awal perjanjian konsesi apabila IRR yang dipersetujui dicapai.

Selain itu, klausa-klausa baru yang lain yang telah dimasukkan ke dalam perjanjian – perjanjian konsesi lebuh raya yang terkini termasuk perjanjian konsesi tambahan adalah seperti berikut:

- i. *Toll Review Mechanism* di mana kenaikan tol adalah tidak automatik;
- ii. penetapan *Level of Service* iaitu naik taraf lebuh raya berdasarkan bilangan trafik; dan
- iii. Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di mana syarikat konsesi digalakkan menjalankan pelbagai program berbentuk sosial seperti diskaun tol di musim-musim perayaan untuk pengguna lebuh raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang pindaan terhadap perjanjian konsesi adalah tertakluk kepada persetujuan bersama syarikat konsesi serta pemberi pinjaman dan pelabur. Dalam hal ini, Kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi sedang mengenalpasti kaedah-kaedah penyelesaian terbaik di mana akan memberi situasi 'win-win' kepada Kerajaan, syarikat konsesi, pelabur dan pengguna.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN : 6

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

sebab pihak berkuasa yang mendapati bahawa 65 peratus daripada terminal klia2 gagal dalam pemeriksaan keselamatan. Adakah punca kegagalan tersebut retakan paip, peparitan dan jalan akibat tanah yang tenggelam dan adakah ini akan menyebabkan penundaan tarikh mula beroperasi KLIA2 sekali lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan berkenaan “65 peratus daripada terminal KLIA2 gagal dalam pemeriksaan keselamatan” adalah tidak benar. Suka dijelaskan satu pemeriksaan yang dijalankan pada bulan Januari 2014 mendapati bahawa kerja-kerja perparitan dan jalan masih belum siap sepenuhnya. Pemeriksaan juga mendapati berlaku keretakan terhadap paip pembedungan disebabkan oleh pemendapan tanah (soil settlement). Pada 27 Februari 2014, satu pemeriksaan susulan telah dijalankan dan mendapati kerja-kerja perparitan dan jalan telah siap sepenuhnya. Bagi pembaikan paip pembedungan, kerja-kerja masih dilaksanakan dan akan siap pada bulan April 2014 sebelum pembukaan KLIA2 pada 2 Mei 2014.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada 27 Februari 2014 juga telah mengesahkan bahawa bangunan terminal KLIA2 ini selamat untuk digunakan. Lanjutan daripada itu pihak MAHB telah menjalankan latihan ORAT (*Operational Readiness and Transfer*) dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen, Kastam, PDRM dan sebagainya.

Sehubungan itu, KLIA2 akan tetap mula beroperasi pada 2 Mei 2014.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MOHD HATTA MD. RAMLI

KAWASAN : KUALA KRAI

TARIKH : 11.3.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 8

Y.B. DR. MOHD HATTA MD. RAMLI minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) komposisi penyertaan syarikat Bumiputera dalam industri automotif negara sekarang dan sasaran komposisi ini untuk NAP 2014; dan
- b) jumlah syarikat SME Bumiputera yang terlibat dalam industri automotif sekarang dan jumlah pekerjaan yang ditawarkan.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, hasil daripada usaha-usaha yang diambil Kerajaan, terdapat penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera di sepanjang rangkaian nilai industri automotif negara sama ada dalam sektor pembuatan atau lepas jualan.

Bagi sektor pembuatan, antara aktiviti-aktiviti perniagaan yang melibatkan syarikat-syarikat Bumiputera adalah dalam pembuatan dan pemasangan kenderaan serta komponennya. Bagi aktiviti pembuatan dan pemasangan

kenderaan, pegangan ekuiti syarikat-syarikat Bumiputera tersebut adalah sekitar 30 hingga 100 peratus.

Sementara itu, bagi aktiviti pembuatan komponen dan alat ganti kenderaan, penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera adalah dalam lingkungan 37 peratus. Walau bagaimanapun, bagi aktiviti-aktiviti "secondary" seperti pengeluaran set di dan acuan (*die and mould*), acuan aluminium dan *non-ferrous* dan sebagainya, penglibatan syarikat-syarikat Bumiputera adalah masih rendah iaitu kurang daripada 10 peratus.

Bagi sektor lepas jualan pula, antara aktiviti-aktiviti perniagaan yang melibatkan syarikat-syarikat Bumiputera adalah aktiviti pengedaran kenderaan dengan penglibatan Bumiputera dalam 10 hingga 30 peratus. Manakala bagi perniagaan bengkel dan aksesori kenderaan, penyertaan syarikat-syarikat bumiputera adalah dalam lingkungan 12 peratus. Walau bagaimanapun, penglibatan syarikat-syarikat Bumiputera dalam kegiatan kitar semula adalah sangat terhad iaitu kurang daripada 5 peratus.

Berhubung dengan persoalan mengenai jumlah syarikat SME Bumiputera yang terlibat dalam industri automotif sekarang, berdasarkan rekod MITI, terdapat lebih kurang 57 buah syarikat SME Bumiputera yang menjadi pembekal komponen kepada PROTON, PERODUA dan MODENAS. Syarikat-syarikat ini menawarkan sebanyak 8,126 peluang pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif, khususnya bagi sektor pembuatan dan lepas jualan, Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 menyediakan peruntukan

sebanyak RM75 juta bagi tempoh 2014 hingga 2019. Ia bertujuan meningkatkan lagi daya saing syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif iaitu bagi pembangunan teknologi, modal insan dan rangkaian bekalan.

Selain itu, pemantauan secara berterusan akan turut dijalankan ke atas syarikat pengeluar kenderaan serta pihak yang terlibat dalam sektor pembuatan dan lepas jualan untuk memastikan penglibatan aktif dan berkesan syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah pelajar tajaan JPA yang menyertai Perkhidmatan Awam Malaysia dan bekerja sebagai pegawai Kerajaan dari 2004 hingga 2013. Nyatakan jumlah mengikut tahun dan pecahan kaum.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar tajaan JPA yang menyertai Perkhidmatan Awam Malaysia dan bekerja sebagai pegawai Kerajaan dari 2004 hingga 2013 adalah seramai **22,493 orang**. Daripada jumlah tersebut, **20,431 orang adalah bumiputera** dan **2,062 orang adalah bukan bumiputera**.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. DATUK MADIUS TANGAU**
(TUARAN)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **11.03.2014**

Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kelemahan sistem percukaian *Sales and Services Tax (SST)* berbanding dengan *Goods and Services Tax (GST)*.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan GST merupakan salah satu langkah Kerajaan dalam menyusun semula struktur percukaian negara bagi menjadikan ianya lebih telus, efisien dan mesra peniaga. GST yang dicadangkan bukanlah

merupakan cukai baharu. GST akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang sedang dilaksanakan sekarang. Cukai jualan dan cukai perkhidmatan didapati mempunyai banyak kelemahan yang berpunca dari sistem percukaian itu sendiri. Antara kelemahan yang dikenalpasti adalah pengenaan cukai berganda yang menyebabkan pengguna terpaksa membayar harga yang lebih tinggi dan berlakunya aktiviti pemindahan harga (transfer pricing) yang memberi kesan kepada kutipan hasil. Kelemahan ini sebenarnya memberi kesan negatif bukan sahaja kepada negara tetapi juga kepada pengguna. Dengan itu, boleh juga dirumuskan bahawa pelaksanaan GST adalah untuk menjaga hak dan kebajikan pengguna.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN
KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN
TARIKH : 11 MAC 2014, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian merancang untuk memansuhkan plaza tol PJS 2 Lebuhraya New Pantai Expressway (NPE).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan mengambil maklum mengenai desakan oleh pihak-pihak tertentu supaya kutipan tol di plaza Tol PJS 2, Lebuhraya Baru Pantai (NPE arah Subang) berhampiran Taman Medan dimansuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin dan sentiasa berusaha untuk meringankan beban kewangan tol ditanggung oleh pengguna. Sehubungan itu, Kerajaan sebelum ini telah menghapuskan kutipan tol di plaza tol PJS 2, Lebuhraya Baru Pantai (NPE arah Kuala Lumpur), iaitu pada 14 Februari 2009. Di samping itu Kerajaan pada tahun 2011 bersetuju untuk mengurangkan kadar tol di Plaza Tol PJS 2 (arah Subang), NPE dari RM1.60 kepada RM1.00 sahaja. Berbanding dengan plaza tol PJS 2 (arah Kuala Lumpur) yang tiada laluan alternatif, para pengguna dari arah Kuala Lumpur - Subang sebenarnya masih boleh menggunakan laluan alternatif bebas tol, iaitu melalui Jalan PJS 2/7, PJS 2/22 dan Jalan PJS 2 untuk ke Subang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tiada perancangan untuk memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol PJS 2 (arah Subang), NPE. Kerajaan berpandangan langkah-langkah yang telah dilaksanakan setakat ini telah dapat memanfaatkan rakyat.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membantu masyarakat Bumiputera yang berpendapatan rendah di kawasan bandar untuk mempertingkatkan sumber pendapatan mereka bagi menghadapi kenaikan kos sara hidup di bandar ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin berhubung isu kenaikan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat, terutamanya dalam kalangan isi rumah Bumiputera berpendapatan rendah di bandar. Oleh itu, beberapa langkah berterusan telah diambil bagi meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah tersebut dalam meningkatkan pendapatan. Ini termasuk:

- i. program peningkatan kebolehan dan keupayaan (*capacity and capability enhancement*) bertujuan meningkatkan kelayakan dan kemahiran kumpulan sasar bagi meningkatkan keupayaan bersaing untuk mendapat pekerjaan bergaji lebih tinggi. Dalam tempoh 2011 hingga 2013, sebanyak RM88 juta telah diperuntukkan yang memanfaatkan seramai 8,194 orang peserta. Daripada jumlah ini, seramai 2,430 peserta telah menamatkan latihan dan seramai 1,688 orang telah berjaya mendapat pekerjaan, 306 masih mencari pekerjaan dan 436 orang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi;
- ii. program bagi menggalakkan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Ini dilaksanakan dengan memperluaskan akses dan peluang mendapat bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawanan serta pembinaan gerai niaga dan program sokongan perniagaan mikro serta perniagaan kecil dan sederhana. Program ini

disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan sebagainya. Sehingga bulan Disember 2013, AIM telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM1.7 bilion yang memanfaatkan 346,245 Sahabat AIM manakala MARA telah mengeluarkan sebanyak RM26 juta bagi membantu 25,831 peminjam. TEKUN pula telah mengeluarkan sebanyak RM1,208 juta bagi membantu 128,416 peminjam sepanjang tahun 2011 sehingga tahun 2013;

- iii. melaksana dasar gaji minimum yang turut membantu golongan Bumiputera untuk menjamin kualiti hidup serta menampung kenaikan kos; dan
- iv. memberikan bantuan kewangan secara langsung seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada golongan yang berkelayakan serta bantuan kebajikan kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga telah mengambil inisiatif supaya isi rumah berpendapatan rendah memperoleh barangan keperluan serta perkhidmatan dengan kos yang lebih rendah dan berpatutan. Ini termasuk:

- i. memperluaskan produk 1Malaysia seperti:
 - Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M): menyediakan barangan keperluan dengan kos yang lebih rendah;

- Klinik Rakyat 1Malaysia: menyediakan perkhidmatan kesihatan dengan kos yang berpatutan; dan
 - Menu Rakyat 1Malaysia: menyediakan menu sarapan pagi dan makan tengah hari pada harga paling minimum tetapi berkualiti dan berkhasiat; serta
- ii. pemberian subsidi elektrik kepada rakyat miskin bagi menampung bil bulanan yang tidak melebihi RM20 sebulan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perbandingan antara hospital milik Kerajaan, GLC dan swasta daripada segi jumlah hospital, doktor, pakar perubatan, jururawat, bilangan katil dan pesakit dari tahun 2001 hingga 2014.

Tuan Yang di-Pertua

Hospital-hospital milik Kerajaan terdiri daripada hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan hospital-hospital di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehingga Disember 2012*, terdapat 147 buah hospital Kerajaan di seluruh negara, iaitu 140 buah hospital Kementerian Kesihatan, 4 buah hospital Kementerian Pertahanan dan 3 buah hospital Kementerian Pendidikan. Sementara itu, jumlah hospital swasta pula adalah 247 buah dan jumlah ini termasuk rumah bersalin swasta dan rumah jagaan kejururawatan swasta atau *private nursing homes*.

*Nota. Data tahun 2013 belum dapat dikeluarkan, tertakluk kepada pengesahan pihak yang berkaitan

Daripada jumlah kesemua hospital yang dinyatakan tadi, jumlah hospital, sama ada hospital milik Kerajaan mahupun swasta didapati semakin bertambah dari setahun ke setahun sejajar dengan pertambahan penduduk negara. Bagi tempoh 2001 hingga 2012, bilangan hospital Kerajaan telah bertambah daripada 128 buah hospital pada tahun 2001 kepada 147 buah hospital pada tahun 2012, iaitu pertambahan 19 buah hospital dalam tempoh 11 tahun. Sementara itu, hospital swasta termasuk rumah bersalin swasta dan rumah jagaan kejururawatan swasta bertambah daripada 224 hospital pada tahun 2001 kepada 247 hospital pada tahun 2012, iaitu pertambahan 23 hospital dalam tempoh yang sama.

Sejajar dengan pertambahan bilangan hospital, bilangan katil juga bertambah. Pada tahun 2001, jumlah katil di hospital Kerajaan adalah 37,434 buah, namun pada tahun 2012, jumlah katil telah bertambah kepada 42,707 buah, iaitu pertambahan sebanyak 5,273 katil atau 14.1 peratus dalam tempoh 11 tahun. Hospital swasta juga mencatatkan pertambahan jumlah katil, iaitu daripada 9,949 buah katil pada tahun 2001 kepada 14,127 buah katil (pertambahan 4,178 buah katil atau 42.0 peratus) pada tahun 2012. Secara keseluruhan, bagi tempoh 2001 hingga 2012, jumlah katil di hospital Kerajaan melebihi jumlah katil di hospital swasta, iaitu antara 74.8 peratus hingga 79.2 peratus daripada jumlah keseluruhan katil di kedua-dua sektor.

Dari segi profesyen perubatan, jumlah doktor dan jururawat yang berkhidmat di sektor Kerajaan dan swasta turut mencatatkan pertambahan. Sehingga Disember 2012, seramai 38,718 orang doktor berkhidmat di sektor Kerajaan dan swasta. Daripada jumlah tersebut, seramai 27,478 atau 71.0 peratus adalah doktor yang berkhidmat di sektor Kerajaan dan 11,240 atau 29.0 peratus adalah doktor yang berkhidmat di sektor swasta. Berbanding tahun 2001, jumlah doktor yang berkhidmat di kedua-dua sektor adalah 16,146, dengan 8,615 atau 53.4 peratus doktor di sektor Kerajaan dan 7,531 atau 46.6 peratus doktor di sektor swasta. Walau bagaimanapun, jumlah doktor yang berkhidmat di sektor Kerajaan merangkumi doktor pelatih, dan dianggarkan bilangan doktor pelatih adalah seramai 3,000 orang setahun.

Sementara itu, bagi tempoh yang sama, sejumlah 84,968 orang jururawat telah berkhidmat di kedua-dua sektor pada tahun 2012 dengan 56,089 orang atau 66.0 peratus adalah jururawat di sektor awam dan 34.0 peratus di sektor swasta. Berbanding tahun 2001, daripada 33,295 orang jururawat yang berkhidmat, sejumlah 24,543 orang jururawat atau 73.7 peratus adalah dari sektor Kerajaan manakala 8,752 orang jururawat atau 26.3 peratus dari sektor swasta.

Pertambahan bilangan hospital, katil dan profesyen perubatan yang dinyatakan di atas adalah bagi menampung keperluan rakyat yang mendapatkan rawatan dan perkhidmatan yang disediakan, sama ada di hospital Kerajaan mahupun hospital swasta. Berdasarkan statistik yang dilaporkan, jumlah kemasukan pesakit dalam di wad-wad hospital KKM dari tahun 2001 hingga 2012 meningkat 42.9 peratus, iaitu daripada 1.63 juta pada tahun 2001 kepada 2.33 juta pada tahun 2012. Bagi hospital swasta pula, statistik yang diperolehi hanyalah mulai tahun 2007, di

mana jumlah kemasukan pesakit dalam yang direkodkan adalah 754,378, meningkat 28.7 peratus kepada 971,080 pada tahun 2012. Jumlah kemasukan yang dinyatakan di atas merujuk kepada jumlah *encounter* dan bukannya jumlah pesakit.

Bagi kedatangan pesakit luar pula, hospital-hospital KKM mencatatkan 19.14 juta kedatangan pada tahun 2012 berbanding 9.20 juta pada tahun 2001. Hospital swasta pula merekodkan sejumlah 2.46 juta kedatangan pesakit luar pada tahun 2007 dan jumlah tersebut meningkat kepada 3.85 juta pada tahun 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**
TARIKH : 11.03.2014 (SELASA)

**DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH
[MUKAH]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapa buah Kedai
1Malaysia telah dibina di Sarawak setakat ini dan di mana.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 27 Februari 2014, sebanyak 17 buah KR1M di 16 kawasan
Parlimen di Sarawak telah mempunyai KR1M iaitu di Parlimen
Mambong, Santubong, Stampin, Kota Samarahan, Sri Aman, Sibu,
Miri, Lubok Antu, Mukah, Baram, Sibuti, Batang Lupar, Serian,
Petrajaya, Saratok dan Betong.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :

YB Tuan karpal Singh [Bukti Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kepada Dewan jumlah kematian disebabkan demam denggi di Negara ini sejak Januari tahun ini.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kes dan kematian denggi dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH KEMATIAN
2008	49,335 kes	112 kematian
2009	41,486 kes	88 kematian
2010	46,171 kes	134 kematian
2011	19,884 kes	36 kematian
2012	21,900 kes	35 kematian
2013	43,346 kes	92 kematian
2014	16,383 kes (sehingga 23 Februari)	29 kematian (sehingga 23 Februari)

Pecahan kes dan kematian denggi mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1**.

Peningkatan kes denggi yang berlaku merupakan fenomena global yang turut dialami oleh Malaysia. Peningkatan ini juga disebabkan oleh beberapa faktor lain iaitu:

1. Perubahan serotype virus denggi (*serotype shift*), di mana dari akhir tahun 2012 hingga Februari 2013, *serotype virus* yang dominan di Malaysia adalah DEN 4 tetapi pada bulan Mac 2013 ia bertukar kepada DEN 2. Perubahan *serotype* ini boleh menyebabkan kes atau kematian meningkat. Serotype DEN 2 juga boleh menyebabkan manifestasi klinikal yang lebih teruk dan menyebabkan risiko komplikasi yang lebih tinggi sehingga menyebabkan kematian.
2. Kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan penularan jangkitan lebih mudah dan pembangunan yang pesat memberi kesan kepada peningkatan tempat-tempat pembiakan Aedes.
3. Pergerakan penduduk yang lebih meluas melalui pengangkutan moden turut meningkatkan penyebaran virus denggi ke kawasan yang tiada kes sebelumnya dan ke tempat-tempat lain.
4. Kurangnya kesedaran masyarakat dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka. Malah ada di kalangan orang ramai yang

masih membuang sampah secara tidak berhemah. Ini akan menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.

5. Faktor cuaca terutama pada waktu hujan menyebabkan bekas-bekas boleh menakung air dan meningkatkan pembiakan Aedes
6. Kurangnya amalan masyarakat melakukan aktiviti “cari dan musnahkan” tempat pembiakan Aedes seminggu sekali di kediaman atau persekitaran mereka.
7. Pengurusan sampah domestik dan pukal yang tidak dilaksanakan dengan baik serta tempat pengumpulan sampah tidak terurus turut menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
8. Terdapat tempat pembuangan sampah haram dan tidak diuruskan dengan sempurna. Ini juga menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
9. Terdapat struktur-struktur bangunan yang dibina, menyumbang kepada terjadi tempat pembiakan Aedes terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM telah memperuntukan sebanyak RM3 juta untuk aktiviti pendidikan kesihatan bagi pencegahan denggi.

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui pemantauan kes-kes yang dilaporkan secara harian di seluruh negara; melaksanakan aktiviti

kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan; mempertingkatkan aktiviti pencegahan terutama di kawasan yang berisiko tinggi; dan meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan denggi. Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan program-program baru untuk menghalang denggi dari terus meningkat. Berikut adalah tindakan yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Melaksanakan “Ops Gempur Aedes” iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013.
2. Melaksanakan kempen Program Ayuh Gempur Aedes Perdana yang dilancarkan pada 5 Januari 2014, oleh YB. Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.
3. Mengadakan Dengue Walk About di lokaliti hotspot denggi yang disertai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
4. Melaksanakan kempen “Jom Hapus Tempat Pembiakan Aedes” di 10 lokaliti hotspot denggi pada 2 Mac 2014 yang diketuai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
5. Mengadakan Mesyuarat Mingguan Wabak Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
6. Melaksanakan halatuju baru program kawalan dan pencegahan denggi Kebangsaan yang mengutamakan penghapusan tempat-tempat pembiakan Aedes.

7. Melaksanakan kaedah kawalan denggi yang baru menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu semburan ruang menggunakan kawalan biologi *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti), semburan ruang menggunakan temephos (pembunuh jentik-jentik) dan menggunakan perangkap nyamuk Autocidal Ovitrap.
8. Memastikan bekalan temephos untuk orang awan mudah diperolehi dengan kerjasama daripada syarikat pengeluar.
9. Menambah bilangan Klinik Kesihatan yang memberi perkhidmatan Extended Hour kepada 72 Klinik Kesihatan di seluruh negara.
10. Memastikan semua hospital mempunyai katil yang cukup untuk menampung peningkatan kemasukkan kes denggi di hospital.
11. Mempertingkatkan penyaluran maklumat denggi kepada orang ramai iaitu melalui kenyataan akhbar mingguan, laman web KKM, laman web iDenggi dan Facebook CPRC KKM.
12. Menjalankan promosi kesihatan tentang denggi di media masa perdana dan media sosial.

Jadual 1: Bilangan Kes Dan Kematian Denggi Mengikut Negeri Bagi Tahun 2008 -2014 (Sehingga 23 Februari)

TAHUN	2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014 Sehingga 23 Februari	
	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	184	0	191	0	215	0	110	0	172	1	226	1	40	0
KEDAH	1,678	0	750	0	782	3	514	0	817	4	813	1	142	1
PULAU PINANG	2,324	1	2,444	1	1,834	7	1,579	3	791	1	1,053	7	376	3
PERAK	4,219	9	2,734	3	2,288	6	1,411	2	1,716	5	2,519	4	1,133	3
SELANGOR	21,262	46	18,676	48	16,367	45	7,758	14	9,113	12	23,852	24	8,936	11
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	5,446	13	3,746	9	4,205	6	2,038	2	1,814	5	2,570	8	1,561	3
NEGERI SEMBILAN	1,405	3	1,057	6	1,501	7	737	3	552	2	1,198	1	1,066	1
MELAKA	830	2	769	5	1,485	12	450	0	449	0	1,505	9	592	1
JOHOR	3,908	17	2,528	3	4,406	12	1,583	7	1,650	1	4,828	24	1,064	5
PAHANG	1,327	1	907	2	1,688	5	894	1	641	1	725	2	201	0
TERENGGANU	1,721	5	968	0	1,472	3	675	1	739	0	600	0	180	0
KELANTAN	2,399	10	1,031	1	3,578	11	743	1	1,245	0	1,427	2	652	1
SARAWAK	1,517	0	4,490	7	4,240	14	974	0	1,519	1	1,292	4	201	0
SABAH	1,045	2	1,170	3	2,091	3	402	2	672	2	724	5	236	0
WP LABUAN	70	3	25	0	19	0	16	0	10	0	14	0	3	0
MALAYSIA	49,335	112	41,486	88	46,171	134	19,884	36	21,900	35	43,346	92	16,383	29

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]

TARIKH : Hari Selasa, 11 Mac 2014

SOALAN : **Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana keberkesanan dan kejayaan program “Jihad Memerangi Orang Tengah” dalam semua sub-sektor yang terlibat dengan program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa peranan orang tengah tidak boleh dinafikan dan wajar dihargai, namun bilangannya perlu diminimakan dan dikawal bagi mengelakkan manipulasi secara berleluasa terhadap pengeluar dan pengguna, khususnya para petani dan nelayan. Dalam hal ini, peranan orang tengah dapat dikurangkan sekiranya kita dapat memendekkan rantai nilai dengan memastikan lapisan atau *tier* pemasaran dikurangkan seterusnya menguasai setiap peringkat rantai nilai dari pengeluar, pengedar dan pemasar hasil pertanian iaitu dari ladang hingga ke pengguna.

Dalam hal ini Kerajaan telah mengenal pasti beberapa strategi utama dalam mengatasi permasalahan monopoli atau manipulasi orang tengah iaitu:

- (i) meningkatkan pengeluaran bekalan agromakanan utama seperti ikan, sayuran, buah-buahan, ayam, dan daging;
- (ii) memendekkan rantai nilai seperti memperkukuh dan memantapkan saluran pemasaran sedia ada;
- (iii) mewujudkan saluran pemasaran yang baharu;
- (iv) meningkatkan *market share* (dengan izin) pasaran produk agromakanan oleh agensi pemasaran seperti FAMA, LKIM dan LPP; dan
- (v) menambahbaik skim, bantuan, kemudahan, dan program sokongan sedia ada untuk pengeluar.

Program jihad memerangi orang tengah dilancarkan secara berperingkat-peringkat. Bagi subsektor padi, majlis pelancarannya telah diadakan pada 16 Januari 2014 di Kota Bharu, Kelantan.

Sebanyak empat (4) strategi untuk subsektor padi yang dilaksanakan iaitu:

- (i) Menggerakkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai badan pengurusan bagi pembelian padi dari pesawah terus ke kilang melalui Pusat Belian Padi (PBP). Jumlah penglibatan petani dalam urusan belian padi melalui PPK (70% daripada jumlah keseluruhan petani iaitu 71,345 orang pesawah akan terlibat. Sebanyak 8 buah PBP dijangka akan disediakan pada tahun 2014;
- (ii) Penyeragaman harga padi di Semenanjung pada kadar: RM1,200/mt (tertakluk kepada mutu sebenar padi). Pelaksanaan pemutuan sebenar padi di PBP yang melibatkan PPK, petani, BERNAS dan juga di kilang padi swasta. Manakala pemindahan padi antara negeri dibenarkan tertakluk kepada pengeluaran permit oleh Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras (KPB). Buat masa ini beberapa siri penerangan berhubung dengan pemutuan sebenar padi dan penyeragaman harga telah dilaksanakan di semua peringkat;
- (iii) Dana Kebajikan Petani yang diuruskan oleh setiap PPK dengan modal pusingan sebanyak RM100,000.00 kepada setiap PPK. Majlis penyerahan

dana kepada PPK dijangka akan diadakan pada 22 Mac 2014 di PPK Beseri Perlis;

- (iv) memantapkan pengagihan beras subsidi ST15 dengan perkara-perkara berikut:
- pengagihan dilaksanakan di PBP/ PPK/ Kilang Beras BERNAS;
 - pelabelan - Kampit beras ST15 perlu dilabel dengan “Kegunaan Isi Rumah Warganegara Malaysia Sahaja” dan pembelian dihadkan dua (2) kampit untuk satu keluarga;
 - dipasarkan di kedai-kedai seperti berikut:
 - Kedai Agro bazar, Kedai KRIM, Kedai TUKAR, PERNAMA, Kedai Peladang dan sebagainya;
 - penjualan di hypermarket akan dihentikan; dan
 - dilaksanakan bermula pada 1 April 2014.

Majlis pelancaran jihad memerangi orang tengah dalam sub-sektor perikanan telah diadakan pada 9 Februari 2014 di Kuantan, Pahang.

Sebanyak 8 strategi utama yang akan dilaksanakan iaitu:

- (i) Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan memainkan peranan untuk membeli terus hasil tangkapan nelayan dengan menawarkan harga setanding dengan yang ditawarkan oleh orang tengah. Sehingga ini sebanyak RM12 juta telah diterima oleh NEKMAT untuk membeli terus dan menjual hasil tangkapan nelayan;
- (ii) mengambil alih hutang nelayan sebanyak RM40 juta daripada orang tengah menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Buat masa ini TEKUN sedang memperhalusi mekanisma pelaksanaan dan dijangka program akan dapat dilaksanakan penghujung Mac 2014;
- (iii) menyediakan tabung pinjaman tanpa faedah untuk kecemasan sebanyak RM50,000 kepada 87 Persatuan Nelayan Kawasan termasuk Sabah dan

Sarawak menerusi NEKMAT. Mekanisma pelaksanaan sedang disediakan oleh LKIM;

- (iv) menyediakan tabung pinjaman mudah menerusi TEKUN Nasional bagi membeli bot ataupun sampan serta peralatan penangkapan;
- (v) menambah 50 pasar nelayan baharu di seluruh negara bagi membolehkan nelayan atau keluarga memasarkan terus hasil jualan. Tapak-tapak telah dikenal pasti dan sedang dalam proses mendapatkan kebenaran menduduki oleh Kerajaan Negeri;
- (vi) nelayan menjual terus hasil tangkapan mereka kepada NEKMAT untuk tujuan sejuk beku yang akan dipasarkan melalui outlet Program Ikan Rakyat. Sebanyak 112 outlet Ikan Rakyat telah beroperasi di seluruh negara. Lokasi outlet baru akan dikenal pasti;
- (vii) mewujudkan lebih banyak pusat pengumpulan (CC) dan pusat pengedaran (DC). Lokasi CC dan DC yang baru sedang dikenal pasti; dan
- (viii) menyediakan lebih banyak tapak niaga di pasar tani dan konsep jualan terus secara *Fish-On-Wheel*. Sehingga kini sebanyak 258 daripada 517 pasar tani telah disertai oleh NEKMAT/ Persatuan Nelayan Negeri/ Persatuan Nelayan Kawasan dan terdapat 4 buah motosikal roda tiga sedang diusahakan oleh Persatuan Nelayan Kuantan.

Berhubung dengan keberkesanan program jihad orang tengah ini, walaupun inisiatif masih baru dilancarkan namun impaknya telah mula dirasai. Bagi subsektor padi, para petani telah mendapat faedah berikutan penyelarasan harga padi dan sebagai contoh, musim tuaian pertama bagi pesawah di Rompin dan di Pasir Puteh, mereka telah menghantar padi untuk proses melalui PPK. Bagi subsektor perikanan, NEKMAT dan Persatuan Nelayan membeli terus hasil tangkapan daripada nelayan dan menjualnya di pasar-pasar tani kendalian FAMA.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mekanisme holistik kos pemulihan alam sekitar sepenuhnya bagi memastikan pihak yang bersalah dipertanggungjawabkan bagi jenayah yang mereka lakukan memandangkan penalti sedia ada amat rendah berbanding dengan keuntungan yang diperolehi

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 ada memperuntukkan sistem kewangan (pemungutan bayaran ses dari pengeluar /penghasil buangan terjadual) yang dicarum ke dalam Kumpulan Wang Alam Sekeliling di bawah Seksyen 36B yang mana pembiayaan boleh dibuat menerusi kumpulan wang ini bagi tujuan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar berpunca dari aktiviti pencemaran. Selain itu di bawah Seksyen 47 AKAS juga memperuntukkan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar untuk membuat tuntutan kos pembersihan dan pelupusan buangan kepada mereka yang bertanggungjawab melakukan pencemaran bagi tujuan pemuliharaan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [BARAM]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :**

YB Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat rancangan oleh pihak Kementerian untuk melengkapkan klinik-klinik kesihatan desa di Baram dengan kenderaan pacuan empat roda bagi memudahkan akses ke penempatan yang hanya dapat dihubungkan dengan jalan balak.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, 3 buah Klinik Kesihatan di Daerah Baram, Miri telah dilengkapi dengan kenderaan pacuan empat roda dengan penempatan pemandu iaitu:

- (i) Klinik Kesihatan Lio Mato;
- (ii) Klinik Kesihatan Bario; dan
- (iii) Klinik Kesihatan Long Lama.

Bagi tahun 2014, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan membekalkan sebuah lagi kenderaan pacuan empat roda bagi Klinik Long Bedian.

Klinik-klinik lain menggunakan kenderaan sewaan dengan pemandu setempat yang berpengalaman atau pengangkutan udara.

Beberapa faktor perlu diambilkira bagi menempatkan kenderaan dan pemandu di klinik-klinik desa dan klinik-klinik kesihatan di Baram yang hanya dapat dihubungkan dengan jalan balak seperti keadaan geografi jalan yang tidak selamat, penyelenggaraan kenderaan yang tinggi dan keperluan kepada pemandu yang berpengalaman.

Klinik-klinik di Baram merupakan salah satu keutamaan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak untuk dilengkapi dengan kenderaan pacuan empat roda. Walau bagaimanapun, dengan peruntukan semasa, sedikit demi sedikit klinik-klinik ini akan dilengkapi dengan tambahan kenderaan pacuan empat roda.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Kamarul Baharin bin Abbas
[Telok Kemang]

TARIKH : 11 Mac 2014

SOALAN : Dato' Kamarul Baharin bin Abbas minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

- (a) usaha meningkatkan pengeluaran padi sekurang-kurangnya dua kali ganda penghasilan menjelang 2020; dan
- (b) setakat mana rancangan ini telah terlaksana dan berapa luas kawasan yang dikenalpasti untuk dimajukan bagi tujuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Bagi tahun 2013, pengeluaran padi negara adalah sebanyak 2,627,000 juta tan metrik setahun berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 2,599,527 juta tan metrik dengan purata peningkatan sebanyak 1.16%. Berdasarkan unjuran Dasar Agromakanan Negara (DAN), jumlah pengeluaran padi menjelang tahun 2020 adalah sebanyak 2,889,178 juta tan metrik dengan peningkatan sebanyak 9.9%. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi adalah:
 - i. meningkatkan pengeluaran dan produktiviti di kawasan jelapang;
 - ii. melaksanakan penanaman padi berskala besar melalui pengurusan secara berpusat di bawah EPP 10 & 11 serta membangunkan

kawasan tanah sawah terbiar melalui program di bawah NKEA (EPP 9);

- iii. mewujudkan pengurusan berpusat di MADA, KADA dan semua IADA;
 - iv. mengurangkan kerugian tuaian dan pasca tuaian melalui penggunaan teknologi terkini;
 - v. menggalakkan penggunaan varieti padi baru seperti MR269 dan padi aerob di kawasan tadahan hujan; dan
 - vi. penggunaan teknologi moden dalam penanaman padi seperti *transplanter* dan sebagainya yang mampu meningkatkan produktiviti pengeluaran padi.
- (b) Setakat ini, Kerajaan telah mewujudkan empat (4) kawasan IADA baru iaitu di Pekan, Rompin, Batang Lupar dan Kota Belud dengan jumlah keluasan sebanyak 23,905 hektar menjadikan keseluruhan kawasan jelapang padi berjumlah 901,950 hektar. Di samping itu, pihak MARDI juga telah memperkenalkan varieti padi aerob yang boleh ditanam di kawasan yang tidak memerlukan air bertakung dan hanya memerlukan penggunaan air yang minimum.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Linda Tsen Thau Lin
[Batu Sapi]

TARIKH : 11 Mac 2014 (Selasa)

SOALAN : Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk pengeluaran makanan yang mencukupi untuk negara (*self-sufficiency in food production*) sebagai satu langkah untuk menangani masalah kos sara hidup yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk negara (*self-sufficiency in food production*) sebagai satu langkah untuk menangani masalah kos sara hidup yang tinggi adalah seperti berikut:

- (i) meneruskan pelaksanaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Kawasan Tumpuan Sasaran (KTS), Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA) dan ladang kontrak;
- (ii) meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi di kawasan jelapang, meningkatkan keupayaan pengairan daripada sekali setahun kepada 2 kali setahun dan daripada 2 kali setahun kepada 5 kali dalam dua tahun,

memperkenalkan varieti baru dan padi hibrid yang lebih produktif dan mempunyai daya tahan yang tinggi serta mengurangkan kerugian tuaian dan pasca tuaian bagi komoditi padi;

- (iii) membangunkan tanah pertanian secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa;
- (iv) menggalakkan amalan pertanian secara integrasi;
- (v) menumpukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi peningkatan pengeluaran hasil secara mampan seperti pembangunan varieti dan baka yang berkualiti tinggi, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau;
- (vi) meningkatkan penglibatan pihak swasta menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi;
- (vii) kerjasama dengan industri komoditi akan ditingkatkan untuk memperluas aktiviti pengeluaran makanan di tanah yang tidak ditanam dengan tanaman komoditi. Sebagai contoh, program Gedung Makanan Negara oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) akan dipergiatkan untuk pengeluaran cili, pisang, lembu pedaging dan ikan tilapia; dan
- (viii) tanah di luar kawasan jelapang padi terutama di kawasan tanaman sekali setahun akan dioptimumkan penggunaannya dengan tanaman bernilai tinggi dan akuakultur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- (a) statistik jumlah hospital, doktor, jururawat dan katil di seluruh negara; dan
- (b) apakah tindakan yang telah, sedang dan bakal diambil oleh Kementerian untuk menarik doktor-doktor pakar kelahiran Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk kembali berkhidmat di tanah air.

Tuan Yang di-Pertua

Sehingga 31 Disember 2012, Malaysia mempunyai sejumlah 356 buah hospital dengan jumlah katil sebanyak 56,374. Daripada jumlah ini, 147 buah hospital merupakan hospital Kerajaan dengan 42,707 katil, dan 209 buah hospital merupakan hospital swasta dengan 13,667 katil. Bilangan hospital swasta yang dinyatakan ini tidak termasuk rumah bersalin swasta dan rumah jagaan kejururawatan swasta atau *private nursing homes*. Secara keseluruhan, 58.7 peratus di Malaysia adalah hospital swasta, manakala 41.3 peratus adalah hospital hospital Kerajaan.

Jumlah doktor yang berkhidmat di seluruh negara sehingga 31 Disember 2012 adalah 38,718 orang, dengan 27,478 atau 71.0 peratus doktor berkhidmat di sektor awam dan 11,240 atau 29.0 peratus doktor berkhidmat di sektor swasta. Sementara itu, jumlah jururawat di Malaysia adalah 84,968 orang dengan 56,089 orang atau 66.0 peratus jururawat di sektor awam dan 28,879 atau 34.0 peratus jururawat di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah menubuhkan Talent Corp bagi menarik profesional yang sedang berkhidmat di luar negara untuk kembali berkhidmat di Malaysia. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, lebih daripada 150 Pegawai Perubatan Pakar, Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian telah diluluskan di bawah *Returning Expert Programme* (REP). Daripada jumlah tersebut, 75 peratus adalah merupakan Pegawai Perubatan Pakar dan 20 peratus daripada Pegawai Perubatan Pakar tersebut telah kembali ke Malaysia dan berkhidmat di

sektor awam termasuk di Kementerian Kesihatan Malaysia dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Sebagai langkah untuk menarik Pegawai Perubatan Pakar untuk berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia pula, Kementerian telah dan akan memperakukan Pegawai Perubatan Pakar kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk dilantik secara *lateral entry* berdasarkan pengalaman.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA
[SUBANG]**

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia melaksanakan:-

- (a) suatu moratorium kepada kes-kes hukuman mati yang telah ditolak rayuan dan permohonan pengampunan; dan
- (b) pindaan undang-undang supaya mahkamah dikembalikan budi bicara dalam hal mengenakan hukuman mati di semua kes hukuman itu terbabit.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada masa ini belum mempunyai apa-apa cadangan untuk memansuhkan sepenuhnya hukuman mati sebagai suatu bentuk hukuman yang terpakai bagi mana-mana kesalahan jenayah berat. Oleh itu, buat masa ini tiada moratorium akan dilaksanakan bagi menghalang pelaksanaan hukuman mati kepada banduan yang telah selesai semua peringkat rayuannya di mahkamah dan permohonan pengampunannya telahpun ditolak oleh Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.
2. Namun begitu, Kerajaan tidak lagi menggalakkan pelaksanaan hukuman mati sebagai suatu bentuk hukuman dalam undang-undang baharu yang digubal melainkan bagi undang-undang tertentu seperti undang-undang yang melibatkan kesalahan keganasan (*terrorism*).
3. Hukuman mati di Malaysia terbahagi kepada dua jenis iaitu hukuman mati mandatori dan hukuman mati sebagai suatu pilihan hukuman (iaitu sama ada dijatuhi hukuman mati atau dipenjara seumur hidup bergantung kepada kuasa Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman yang ditetapkan mengikut hal keadaan kes).
4. Hukuman mati mandatori hanya dikenakan bagi kesalahan jenayah berat yang tertentu sahaja iaitu kesalahan bunuh, kesalahan berkaitan keganasan dan pembiayaan keganasan di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*], kesalahan pengedaran dadah berbahaya di

bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] dan kesalahan melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api pada melakukan sesuatu kesalahan berjadual di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [*Akta 37*].

5. Kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman mati yang mana hukuman mati adalah hukuman pilihan (sama ada hukuman mati atau dipenjara seumur hidup) adalah seperti kesalahan memerangi, cuba memerangi atau bersubahat untuk memerangi Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri di bawah Kanun Keseksaan, dan kesalahan culik untuk memperoleh wang tebusan di bawah Akta Culik 1961 [*Akta 365*].

6. Selaras dengan perkembangan masa kini di seluruh dunia yang membabitkan pemansuhan hukuman mati di kebanyakan negara, cadangan dan desakan agar hukuman mati mandatori dimansuhkan, terutamanya bagi kesalahan pengedaran dadah berbahaya, di negara ini juga turut meningkat.

7. Cadangan agar undang-undang dipinda bagi memansuhkan hukuman mati mandatori dan kuasa budi bicara mahkamah dikembalikan dalam hal mengenakan hukuman mati telahpun dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti. Jabatan Peguam Negara telahpun memulakan penyelidikan bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di negara ini. Skop penyelidikan tersebut juga tidak terhad kepada kedudukan hukuman mati mandatori seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 sahaja, malah merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga

pelaksanaannya termasuklah kuasa budi bicara Mahkamah dalam hal mengenakan hukuman mati dalam semua kes yang melibatkan hukuman itu. Selain itu, penyelidikan itu akan turut meneliti kedudukan banduan yang telahpun dijatuhkan hukuman mati mandatori. Penyelidikan ini masih lagi dalam tindakan Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah
[Kubang Kerian]
TARIKH : 11.3.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kerajaan Negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah menyerahkan beberapa buah sekolah di bawah tadbirannya kepada pihak Kementerian untuk dijadikan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Apakah perkembangan terkini sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dalam menunaikan janjinya dalam meningkatkan prestasi dan kualiti pendidikan khususnya kepada sekolah yang telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Sejak tahun 2008 sehingga kini, sebanyak 22 buah Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat Negeri Kelantan telah berdaftar sebagai SABK. Sehubungan dengan itu, SABK tersebut telah menerima bantuan daripada KPM seperti yang telah dipersetujui secara bersama antara pihak KPM dan Lembaga Pengurus Sekolah (LPS), pemilik atau pihak yang bertanggungjawab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak berdaftar, sekolah-sekolah ini telah

mencapai prestasi akademik yang membanggakan di mana daripada 12 buah sekolah yang berada di band 6 dan 3 buah sekolah yang berada di Band 7 sebelum pengambilalihan pada tahun 2008, kini hanya sebuah sekolah berada di band 6 dan tiada lagi SABK di negeri Kelantan berada di Band 7. KPM sedang berusaha supaya lebih banyak SABK dapat melonjakkan prestasi mereka ke Band 1 dan 2, dengan sasaran tiada lagi SABK berada di Band 6.

Dari segi perjawatan dan sumber manusia, KPM juga telah membekalkan seramai 161 orang guru terlatih KPM bermula tahun 2009. Semua Guru dan Anggota Khidmat Sokongan (AKS) lantikan Yayasan Islam Kelantan di SABK yang diambilalih pula telah diberi latihan serta Kursus Dalam Cuti (KDC) sejak tahun 2009. Kesemua mereka yang menerima tawaran telah berjaya menamatkan latihan secara berperingkat berakhir tahun 2013. Sebahagian guru dan AKS telah diberi tawaran perkhidmatan lantikan bertaraf tetap dan kontrak dengan bayaran gaji dibayar sepenuhnya oleh KPM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 11 MAC 2013 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan langkah Kerajaan mengumumkan kadar tambang bas sekolah di luar bandar dan di bandar akan diseragamkan. Apakah rasional penyeragaman ini memandangkan kos kendalian bas di bandar dan luar bandar tidak sama. Sekali gus penyeragaman ini telah memberi impak yang kuat kepada penduduk di luar bandar.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tujuan penyeragaman kadar tambang bas sekolah di bandar dan luar bandar ialah kerana kos operasi bas sekolah adalah sama bagi kedua-dua kawasan.
2. Kos operasi sama yang dimaksudkan tersebut adalah kos bahan api diesel, kos tayar serta kos penyelenggaraan kenderaan bas sekolah, tanpa mengambil kira lokasi operasi bas sekolah berkenaan.
3. Kadar tambang baru yang akan dicadangkan oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) akan mengambil kira kos-kos operasi berkenaan serta memastikan ia tidak akan membebankan pengguna mahupun pengusaha bas sekolah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]**
TARIKH : **11.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dari 2009 apakah saluran yang digunakan untuk menyalurkan peruntukan bagi 523 sekolah Tamil, apakah sebab ianya kini disalurkan melalui lembaga pengurusan sekolah dan siapa penyelaras di bawah JPM untuk menangani isu sekolah Tamil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat keputusan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dibiayai melalui peruntukan khas penyelenggaraan (atau lebih dikenali sebagai PRK), ditetapkan bahawa bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang mempunyai Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) yang mantap, peruntukan untuk projek disalurkan kepada LPS tersebut. Manakala bagi SJKT yang tidak mempunyai LPS yang mantap, projek-projek pembangunannya akan dilaksanakan oleh KPM.

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 11 MAC 2014

RUJUKAN : 6473

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang akan diambil berkenaan laporan polis No. Tun H.S. Lee/024046/13.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Satu laporan polis telah dibuat pada 4 Julai 2013 yang melibatkan siasatan berkaitan Laporan Mati Mengejut (SDR). Siasatan pihak polis menunjukkan bahawa simati penama Cheong Fook Meng telah meninggal dunia semasa ditangkap oleh pihak polis. Kertas siasatan telah dibuka dan *post mortem* telah dijalankan pada hari yang sama.

Laporan *post mortem* telah diterima dan sebab kematian adalah *Acute Myocardial Ischemia and Alcohol Intoxication*. Pihak polis akan merujuk kertas siasatan SDR ke Pejabat Timbalan Pendakwaraya untuk cadangan Inkues setelah melengkapkan beberapa lagi tindakan yang perlu diambil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 11 MAC 2014

RUJUKAN : 6691

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkaitan peningkatan gejala pelampau perkauman dan agama, serta kenapa tindakan gagal diambil ke atas kumpulan-kumpulan pelampau perkauman dan agama yang menimbulkan kegelisahan rakyat masa kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius berhubung isu-isu yang sengaja dibawa oleh pihak-pihak tertentu yang cuba mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Dalam hubungan ini, kenyataan Ahli Yang Berhormat adalah tidak tepat kerana Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan terhadap beberapa individu yang cuba mencetuskan suasana tegang di antara kaum dan agama di bawah Akta Hasutan 1948 disamping undang-undang lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, dalam kes-kes yang berkaitan, setiap siasatan polis adalah berdasarkan kepada kehendak undang-undang dan semua laporan polis yang dibuat akan disiasat dengan teliti sebelum sebarang tindakan perundangan diambil. Di kesempatan ini juga, ingin saya menyeru kepada semua pihak agar menghormati perpaduan kaum dan agama yang telah terbina sejak sekian lama semoga hubungan baik dan keharmonian ini dapat dipelihara dan pada masa yang sama Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba menghancurkan kedamaian yang telah dikecapi setelah sekian lama.

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 11 MAC 2014

RUJUKAN : 6474

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Operasi PATI 'Ops 6P Bersepadu' akan berterusan sehingga tidak ada lagi kehadiran orang asing di negara kita khususnya di negeri Sabah hanya adalah orang-orang asing yang sah dan mempunyai dokumen tertentu dan adakah 'Ops 6P Bersepadu' ini akan terus diperhebatkan dengan semangat untuk menunjukkan bahawa Kementerian adalah serius dalam pelaksanaan undang-undang keselamatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Operasi penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dijalankan secara berterusan di seluruh negara termasuk di Sabah. Kerajaan telah melancarkan Operasi Bersepadu 6P yang diterajui oleh Jabatan Imigresen Malaysia bersama dengan agensi penguatkuasa lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lain-lain agensi.

Bagi tempoh mulai 1 September 2013 hingga 31 Januari 2014, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah telah melancarkan sebanyak 120 operasi di sekitar negeri Sabah khususnya di daerah Kota Kinabalu, Sipitang, Sandakan, Ranau, Tawau, Lahad Datu, Keningau, Tenom, Kudat dan Semporna. Hasil daripada operasi tersebut seramai 2,693 orang telah diperiksa dan seramai 654 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah ditangkap dan ditahan untuk siasatan lanjut bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Kesalahan-kesalahan tersebut termasuk kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) tidak memiliki pasport dan pas yang sah,

Seksyen 15(1)(c) iaitu tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan (tinggal lebih masa) dan Peraturan 39 (b), Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 iaitu melanggar atau gagal mematuhi syarat pengeluaran pas.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU
KAWASAN : SARIKEI
TARIKH : 11 MAC 2014, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN WONG LING BIU (SARIKEI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dengan lebih terperinci tentang projek pembinaan satu jalan raya dari Sg. Sian Bintangor ke satu jalan yang menyambung jalan ke Tanjong Manis. Bilakah projek pembinaan dimulakan dan berapakah kos pembinaan jalan raya tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jalan dari Sg. Sian, Bintangor ke Tanjung Manis ialah merupakan projek laluan alternatif yang dicadangkan Kerajaan Negeri Sarawak berbanding cadangan asal projek membina Jalan Penghubung Sarikei ke Tanjung Manis melalui Bukit Hwang yang telah diluluskan sebelum ini.

Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan RM3 juta untuk tujuan mereka bentuk dan melaksanakan kerja-kerja awalan projek tersebut (Jalan Penghubung Sarikei ke Tanjung Manis). Walau bagaimanapun, pada masa kini Kementerian Kerja Raya masih sedang menunggu pengesahan kelulusan dari Kerajaan Negeri menerusi Lembaga Perancang Negeri Sarawak (SPA) mengenai opsi jajaran jalan utama yang bakal dipilih ke Tanjung Manis. Sehubungan itu, kementerian ini akan berbincang dan mendapatkan pengesahan kelulusan dari Kerajaan Negeri dalam masa terdekat ini untuk menentukan status dan pemilihan pelaksanaan salah satu projek berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD

TARIKH: 11 MAC 2014

SOALAN:

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

(a) jumlah kes gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja dari tahun 2011 hingga 2013; dan

(b) apakah usaha-usaha yang sedang ataupun bakal dilakukan untuk membendung gangguan seksual terhadap wanita di tempat kerja.

PR-1321-L60494

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) Jumlah kes gangguan seksual di tempat kerja

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, dari tahun 2011 sehingga 2013, sebanyak 86 aduan berhubung gangguan seksual ditempat

kerja telah diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Kes-kes ini telah disiasat dan tindakan telah diambil terhadap majikan yang telah disabit dengan kesalahan. Pecahan aduan dan aktiviti pencegahan gangguan seksual bagi tempoh 2011 sehingga disember 2013 adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Pecahan Aduan Aktiviti Pencegahan Gangguan Seksual Bagi Tempoh 2011 Sehingga Disember 2013

Aduan Gangguan Seksual	
Tahun	Jumlah
2011	39
2012	34
2013	13
2014 (Sehingga Mac 2014)	0
Jumlah Keseluruhan	86

Sumber: Unit Hal Ehwal Wanita & *Special Group*, JTKSM

(b) Usaha-usaha untuk membendung gangguan seksual terhadap wanita di tempat kerja.

2. Kerajaan telah pun meminda Akta Kerja 1955 (Akta 265) pada tahun 2011 berhubung dengan gangguan seksual ini dengan memasukkan seksyen 81 iaitu satu seksyen yang mewajibkan majikan menyiasat semua aduan gangguan seksual. Pindaan ini bertujuan melindungi majikan dan pekerjaannya daripada salahlaku dan masalah gangguan seksual.

3. Melalui pindaan berkenaan majikan diwajibkan menyiasat aduan berhubung kes gangguan seksual ini selaras dengan kehendak seksyen 81 Akta yang sama.

4. Bagi tempoh dari tahun 2012 sehingga Disember 2013 sebanyak 518 aktiviti promosi berhubung pencegahan gangguan seksual ditempat pekerjaan telah dijalankan diseluruh negara dan dalam masa yang sama sebanyak 13 buah syarikat telah berjaya mewujudkan mekanisma dalaman bagi tujuan pencegahan gangguan seksual ditempat kerja. Pecahan aktiviti berkaitan gangguan seksual bagi tempoh 2012 sehingga Disember 2013 seperti Jadual 2.

Jadual 2: Pecahan Aktiviti Pencegahan Gangguan Seksual Bagi Tempoh 2011 Sehingga Disember 2013

Bil	Aktiviti	Tahun			Jumlah
		2012	2013	2014	
1.	Promosi	375	143	0	518
2.	Mekanisma Dalaman	11	2	0	13
Jumlah		386	145	0	

Sumber: Unit Hal Ehwal Wanita & *Special Group*, JTKSM

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR [SILAM]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :

YB Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membaik pulih dan meningkatkan jumlah staf Hospital Lahad Datu terutama Doktor Pakar dan staf jururawat, memandangkan Hospital Lahad Datu akan menjadi salah satu hospital yang menjalankan Latihan Siswazah (Housemanship).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Lahad Datu merupakan hospital daerah pakar minor dengan bilangan katil sebanyak 268 buah. Kadar penggunaan katil (BOR) bagi hospital ini pada tahun 2013 adalah sebanyak 55.04%. Sehingga 28 Februari 2014, terdapat seramai 12 orang Pegawai Perubatan Pakar, 48 orang Pegawai Perubatan bukan pakar, serta 241 orang Jururawat sedang berkhidmat di hospital tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, terdapat 2 Pakar Pediatrik, 2 Pakar Perubatan Dalaman dan seorang Pakar Radiologi, Pakar Pembedahan Am, Pakar Anesthesia, Pakar Ortopedik, Pakar Perubatan Kecemasan, Pakar Obestetrik dan Ginekologi sedang berkhidmat di Hospital Lahad Datu manakala, perkhidmatan kepakaran lain diberikan oleh pakar pelawat dari Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu yang memberikan perkhidmatan kepakaran secara berkala. Kes-kes biasa akan dirawat di Hospital Lahad Datu, manakala kes-kes yang lebih rumit akan dirujuk terus ke hospital berpakar yang berdekatan seperti Hospital Tawau.

Kerajaan memang akan terus memperkukuhkan dan memperkembangkan lagi perkhidmatan kepakaran di negeri Sabah meliputi di Hospital Lahad Datu secara berfasa menerusi pelbagai strategi misalnya melalui:

- i. Pelantikan semula pakar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah bersara wajib secara kontrak;
- ii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional;
- iii. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air; dan
- iv. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak.

Selain itu, KKM telah menambah slot tajaan bagi program sarjana perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 mulai sesi

2008/2009, 800 orang mulai sesi 2010/2011 dan kini slot tajaan tersebut ditingkatkan lagi kepada 1,000 slot bagi memberi peluang kepada lebih ramai Pegawai Perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan dengan itu, diharapkan lebih ramai pakar perubatan dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara.

Walaupun Hospital Lahad Datu telah dikenalpasti untuk dijadikan hospital latihan siswazah, masih belum diputuskan lagi tarikh sebenar untuk melaksanakan perkara ini

Tuan Yang di-Pertua

Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pengupayaan fasiliti kesihatan di seluruh negara termasuk Hospital Lahad Datu. Hospital Lahad Datu adalah merupakan sebuah hospital baru yang dilengkapi dengan *Information and Communications Technology (ICT)*. Pada masa ini, Hospital Lahad Datu merupakan salah satu hospital berpakar di negeri Sabah yang mula beroperasi pada tahun 2002. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia amat komited dalam membaik pulih perkhidmatan hospital ini, di mana pada tahun 2013, hospital ini telah pun dilengkapi dengan mesin pengimejan diagnostik, *Computer Tomography (CT) scan*. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mengkaji keperluan penambahbaikan dan naik taraf hospital ini dari semasa ke semasa sekiranya ada keperluan dan bergantung kepada keupayaan kewangan negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
TARIKH : 11.03.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan kualiti graduan Program Peringkat Ijazah Sarjana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan pelbagai strategi untuk meningkatkan lagi kualiti pengajian tinggi di universiti tempatan, termasuklah bagi program peringkat ijazah sarjana. Antara inisiatif yang telah diambil melalui Teras 2 di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) termasuklah:

- i. membangunkan dan mengguna pakai standard program yang khusus untuk program Ijazah Sarjana dan Kedoktoran Secara Kerja Kursus atau Mod Campuran dan Ijazah Sarjana dan Kedoktoran Secara Penyelidikan yang berkuat kuasa pada 4 Mac 2013;

- ii. menetapkan bahawa semakan kurikulum institusi pengajian tinggi (IPT) sentiasa dibuat agar kurikulum yang disediakan berkualiti tinggi dan dapat memenuhi aspirasi negara; dan
- iii. menjalankan audit institusi ke atas Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) dengan menggunakan instrumen *Code of Practice for Institutional Audit* (COPIA). Kualiti PPT akan dipantau melalui kaedah audit komprehensif berlandaskan sembilan bidang penilaian bagi menjamin kualiti berdasarkan COPIA dan audit bertema.

KPM yakin melalui strategi yang digariskan, kualiti graduan bagi setiap peringkat pengajian akan terus terjamin. Malah, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2013 yang dilaksanakan oleh KPM menunjukkan sebanyak 83.8 peratus graduan Ijazah Sarjana dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah mendapat pekerjaan dalam pelbagai sektor.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara terperinci bilakah Pusat Kualiti Alam di Bukit Nenas, Sendayan, Negeri Sembilan akan ditutup dan lokasi tapak baru yang akan mengantikannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kualiti Alam Sdn Bhd (KASB) di Bukit Nenas, Sendayan, Negeri Sembilan merupakan sebuah Pusat Pengurusan Sisa Buangan Terjadual Bersepadu yang dilengkapi dengan **Loji Rawatan Fizikal dan Kimia, Loji Stabilisasi, Loji Penunuan (*Insinerator*), Loji Rawatan *Leachate*, loji-loji rawatan sokongan dan Tapak Pelupusan Selamat** sebagai destinasi terakhir untuk buangan terjadual yang telah dirawat. KASB telah mula beroperasi di situ sejak tahun 1995.

KASB telah diberikan hak eksklusif (jaminan oleh Kerajaan bahawa JAS tidak mengeluarkan lesen baru kepada mana-mana pihak lain yang berhasrat membina dan mengoperasi kemudahan pengolahan dan pelupusan yang sama di Semenanjung Malaysia dengan kemudahan yang disediakan oleh KASB bagi memastikan kapasiti buangan terjadual mencukupi untuk kemudahan KASB) untuk melaksanakan dan mengendalikan kemudahan bersepadu ini adalah selama 15 tahun, iaitu bermula pada 1 Mac 2000 sehingga 28 Februari 2015 (15 tahun).

Walau bagaimanapun, perkhidmatan/ operasi KASB akan diteruskan bagi memastikan semua jenis sisa buangan yang dihasilkan oleh pihak industri di negara ini, termasuk sisa buangan terutamanya yang tidak ekonomikal untuk dirawat atau dibuat pemerolehan kembali dapat dikendalikan dengan selamat.

Pihak Kerajaan belum ada perancangan untuk mengenal pasti tapak baru memandangkan keluasan tapak sedia ada selepas ditambahbaik dianggarkan masih dapat menampung 80,000 metrik tan/tahun untuk 15 tahun lagi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
(GUA MUSANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.03.2014

Y.B. TENGKU RAZALEIGH HAMZAH [GUA MUSANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kabinet sanggup memotong 25 peratus daripada gaji bulanan Menteri dan kesemua elaun untuk anggota pentadbiran dan pegawai-pegawai atasan Kerajaan sebagai langkah membantu Kerajaan menjimat perbelanjaan dan sebagai tauladan untuk diikuti oleh pengurusan atasan swasta dan semua pihak sebagai langkah berjimat.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memotong 25 peratus daripada gaji bulanan Menteri dan kesemua elaun untuk anggota pentadbiran dan pegawai-pegawai atasan Kerajaan memandangkan perkara tersebut memerlukan kajian secara lebih terperinci dan mendalam.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) sentiasa berusaha untuk memantapkan lagi peranan koperasi dan menambah pendapatan anggota-anggotanya. Ke arah itu, Suruhanjaya telah dan sedang berusaha menggiatkan penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi seperti yang digariskan dalam Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020. DKN memberi penekanan kepada penglibatan koperasi dalam pelbagai *Entry Point Project* (EPP) mengikut enam (6) bidang/sektor ekonomi iaitu:

- i. Perkhidmatan Kewangan;
- ii. Pemborongan dan Peruncitan;
- iii. Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan;
- iv. Pertanian dan Industri Asas Tani;
- v. Perladangan; dan
- vi. Pembangunan Hartanah.

Dalam masa yang sama, Suruhanjaya juga menganjurkan pelbagai program strategik untuk meningkatkan pendapatan anggota koperasi seperti mengadakan *business matching* dengan koperasi lain atau syarikat di bawah program *mentor-mentee* dan jaringan perniagaan.

Kementerian melalui Suruhanjaya telah berusaha mengurangkan kes-kes salah laku pengurusan koperasi melalui strategi pengawalseliaan yang berkesan dengan menjalankan Pemeriksaan Usaha Wajar (*Due Diligence Examination* – DDE). DDE merupakan satu pemeriksaan

terhadap pengurusan dan pentadbiran koperasi secara berkala yang bertujuan memantau dan membincangkan masalah koperasi berasaskan kaedah FLAME-T (*Finance, Liquidity, Asset, Management, Earning, ICT*) dan PRISKOP (Penyeliaan Koperasi Berasaskan Risiko – *Risk-Based Supervision*).

Bagi memantapkan lagi kerangka pengawalseliaan, semakan terhadap Akta Koperasi 1993 (Akta) dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 telah dilaksanakan. Di samping itu, Suruhanjaya telah menggubal beberapa Garis Panduan (GP) bagi memantapkan lagi perundangan koperasi dan seterusnya mengurangkan kes-kes salah laku pengurusan koperasi. Bagi kes-kes tertentu yang melibatkan salah laku dalam koperasi, Suruhanjaya telah membuat pemeriksaan, penyiasatan dan pendakwaan berdasarkan peruntukan undang-undang di dalam Akta tersebut. Sementara itu, kes-kes aduan dan pertikaian oleh koperasi, anggota koperasi dan pihak-pihak yang terkilan dirujuk kepada Tribunal Koperasi untuk diselesaikan.

Selain itu, pelaksanaan program pembudayaan, pendidikan, kesedaran terhadap tadbir urus yang baik, integriti, etika dan nilai-nilai yang baik kepada pengurusan koperasi terus dilaksanakan. Antara program-program yang dijalankan termasuklah seminar, taklimat, kursus, simposium, konvensyen dan sebagainya.

NO. SOALAN : 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]**
TARIKH : **11.03.2014 (ISNIN)**

DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah kesan daripada kewujudan Projek Pengedaran Barang Perlu Bersubsidi, Liquid Petroleum Gas (LPG) dan *Community Drumming* terhadap masyarakat luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah melaksanakan Program Penyeragaman Harga sejak tahun 2009 terhadap barang kawalan iaitu tepung gandum kegunaan am, minyak masak, gula, beras ST 15%, gas petroleum cecair (LPG) dan petrol serta diesel. Program Penyeragaman Harga merangkumi tiga projek iaitu Projek Pengedaran Barang Perlu (BP), Projek Penyeragaman Harga Gas (LPG) dan Projek Penyeragaman Harga Petrol dan Diesel (*Community Drumming* - CD).

Program ini telah memberi faedah kepada 4.5 juta penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah, Sarawak, Labuan dan beberapa kawasan di Semenanjung. Selain berjaya menstabilkan bekalan barangan bersubsidi ke kawasan berkaitan, barangan tersebut juga dapat dijual pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sebagai contoh harga gas memasak LPG 14kg di Ba'kelalan dapat dikurangkan daripada RM70 setong kepada RM26.60 setong.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :**

YB Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kematian akibat kejadian bunuh diri di Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh sejak tahun 2009. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kes kejadian bunuh diri di Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh dari tahun 2009 hingga 2014 adalah sebanyak 2 kes iaitu 1 kes berlaku pada tahun 2012 dan 1 kes tahun 2014.

Antara langkah-langkah penambahbaikan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) agar perkara ini tidak berulang di masa hadapan adalah dengan memberi penekanan terhadap aspek pengurusan dan keselamatan pesakit dengan menjalankan pemantauan yang lebih kerap di wad serta meningkatkan kekerapan pemantauan keadaan persekitaran oleh pengawal di hospital. Langkah seterusnya ialah dari aspek pembangunan iaitu pembinaan jeriji di kawasan yang berisiko. Langkah-langkah tersebut telah dilaksanakan oleh pihak hospital.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah–langkah lain yang diambil oleh KKM bagi menangani permasalahan mental termasuk tingkah laku bunuh diri adalah promosi kesihatan mental, pengesanan awal masalah gangguan mental dan rawatan yang lengkap untuk pesakit mental.

KKM menjalankan aktiviti promosi kesihatan melalui Kempen Cara Hidup Sihat yang menekankan pentingnya pengendalian tekanan dan yang membawa kesedaran bahawa tekanan boleh mengakibatkan kemurungan. Pada tahun ini, KKM memberi fokus kepada aspek kesedaran kemurungan (*depression awareness*) dan pencegahan bunuh diri dalam pelaksanaan aktiviti.

Bagi memperkukuhkan Program Kesihatan Mental di peringkat komuniti, KKM telah menghasilkan satu Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh Diri yang menggariskan 8 strategi utama iaitu:

- (i) Promosi Kesihatan Mental;
- (ii) Pengesanan Awal, Rawatan dan Rujukan di peringkat kesihatan primer;
- (iii) Kolaborasi Intersektoral;
- (iv) Pembangunan Modal Insan;
- (v) Penyelidikan;
- (vi) Surveilan dan Pemantauan;
- (vii) Pelaporan Media; dan
- (viii) Menghadkan akses kepada bahan mencederakan diri sendiri.

Komponen-komponen di dalam aktiviti-aktiviti pelan tindakan tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang kesihatan mental, tingkah laku bunuh diri dan pencegahan bunuh diri, menyediakan modul / manual latihan bagi melatih anggota kesihatan dan 'frontliners' di peringkat negeri dan daerah, menyediakan dan mencetak bahan-bahan pendidikan kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri untuk diedarkan ke peringkat negeri dan daerah serta memperkukuhkan sistem pemantauan tingkah laku bunuh diri melalui Registri Bunuh Diri Kebangsaan.

KKM juga telah membangunkan sebuah laman web (www.myhealth.gov.my), di mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang kesihatan mental. Menyedari masalah psikososial remaja semakin membimbangkan, KKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah mempergiatkan Program Minda Sihat Menangani Stres dalam kalangan murid-murid sekolah.

Perkhidmatan rawatan psikiatri disediakan di 4 buah Institusi Mental dan 42 buah hospital Kerajaan. Klinik-klinik kesihatan Kerajaan menyediakan perkhidmatan saringan, rawatan dan pemulihan psikososial bagi pesakit mental di peringkat kesihatan primer.

Dengan usaha dan langkah-langkah yang telah dibuat oleh KKM, dijangka masalah seperti stres dan kemurungan dapat ditangani dan diberi bantuan awal sebelum masalah tersebut menjadi lebih buruk.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Haji Abdul Azeez bin
Abdul Rahim [BALING]**

TARIKH : 11.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 41

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan tentang perancangan
Kementerian dalam membantu belia di kawasan Baling
agar mereka dapat bersama menjana ekonomi dengan
menceburi bidang perusahaan getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, RISDA telah membuat beberapa perancangan untuk membantu belia di kawasan Baling agar mereka dapat bersama menjana ekonomi dengan menceburi bidang perusahaan getah. Di kawasan Baling sahaja, terdapat seramai **522 belia** yang terlibat dengan **Program Generasi Muda (GeMPeK)**.

Program GeMPeK terbuka kepada daripada belia yang berumur antara **18 hingga 40 tahun**. Objektif Program adalah untuk mengalakkan penglibatan generasi muda pekebun kecil di dalam aktiviti-aktiviti yang boleh menjana pendapatan.

Terdapat **5 aktiviti-aktiviti** di bawah program GeMPeK yang dilaksanakan seperti berikut:

- i) Kelab Generasi Muda RISDA (KGMR);
- ii) Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK);
- iii) Koperasi Pekebun Kecil (KPK);
- iv) Briged Kerja RISDA (BKR); dan
- v) Kelab Usahawan RISDA (RISEC).

LAMPIRAN

i) Kelab Generasi Muda RISDA (KGMR)

- Sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh pekebun kecil, anak atau ahli isi rumah yang berusia di antara 18 hingga 35 tahun dan menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian secara terancang, tersusun dan teratur;

ii) Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK)

- Terdiri daripada pekebun kecil dan ahli isi rumah wanita yang melaksanakan aktiviti berkaitan pendidikan dan sosial seperti pendidikan kekeluargaan, khidmat kemasyarakatan / sukarelawan, keagamaan, kebudayaan, kesenian dan kesukanan serta bimbingan ekonomi rumahtangga;

iii) Koperasi Pekebun Kecil (KPK)

- Memberikan bantuan kewangan dalam membiayai perniagaan yang berdaya maju dalam entiti perniagaan berskala lebih besar serta membina jaringan perniagaan tempatan dengan mana – mana badan bersesuaian. Di

samping itu juga KPK membina dan melahirkan ahli yang berkualiti untuk mengurus koperasi yang progresif;

iv) Briged Kerja RISDA (BKR)

- Tujuan penubuhan BKR adalah untuk mewujudkan tenaga kerja baru di kalangan generasi muda dalam sektor perladangan khususnya di peringkat pembangunan dan penyelenggaraan, pengeluaran dan pemasaran hasil; dan

v) Kelab Usahawan RISDA (RISEC)

- Kelab ini ditubuhkan bertujuan untuk membina rangkaian kerjasama antara semua usahawan RISDA di seluruh negeri dan mewujudkan satu pelan pelaksanaan pembangunan usahawan pekebun kecil yang lebih terancang dan sistematik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:-**

(a)apakah pendirian Kerajaan ke atas perjanjian penyelesaian 10 perkara yang diumumkan oleh Kerajaan pada April 2011 dan tahap penerimaan rakyat pada umumnya; dan

(b)langkah diambil agar ianya terus dipelihara dan dikuatkuasakan demi perpaduan negara.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada dasarnya menyokong dan bersetuju mengenai Penyelesaian 10 Perkara sebagaimana yang pernah diumumkan oleh Kerajaan pada April 2011. Penyelesaian 10 Perkara ini merupakan penyelesaian yang adil dan sebaiknya bagi mengatasi perbezaan pandangan di antara rakyat yang berbilang agama, khususnya orang Kristian dan orang Islam, dengan tidak sesekali mengabaikan undang-undang negara.

Kerajaan percaya perbezaan atau konflik mengenai isu agama sebaiknya ditangani melalui dialog dan perbincangan. Ia perlu diadakan bagi mencari kaedah yang terbaik bagi mengatasi konflik di antara agama di negara ini.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa agama memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara dan membentuk masyarakat Malaysia. Kerajaan tidak akan membenarkan perbezaan pendapat di antara agama-agama di Malaysia ini memecah belahkan kita, atau menanam benih-benih kebencian di dalam masyarakat.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI
MOHAMAD[LIPIS]**

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membuat pindaan undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) bagi mengenakan tindakan terhadap mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan tanpa sebab.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR melaksanakan fungsifungsinya berlandaskan kepada kerangka undang-undang negara yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut;

- (a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113-120);
- (b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- (c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);
- (d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981;
- (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
- (f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar Kerajaan membuat pindaan undang-undang bagi mengenakan tindakan terhadap mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan tanpa sebab, Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (6) Perkara 48 telah menyatakan bahawa seseorang yang meletakkan jawatan akan hilang kelayakan untuk bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh perlepasan jawatannya berkuat kuasa.

Peletakan jawatan yang dimaksudkan adalah peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat berdasarkan kepada Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan dan sebagai Ahli Dewan Negeri berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri, oleh itu Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri. Oleh itu, Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan merasakan undang-undang sedia ada masih sesuai untuk diteruskan bagi membendung tindakan terhadap mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan tanpa sebab. Namun begitu, semua pandangan oleh pelbagai pihak berhubung peletakan jawatan secara sengaja atau dengan niat tertentu akan dikaji oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

**TARIKH : 11.03.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan projek pemindahan lokasi pangkalan TUDM di Butterworth sebanyak RM3 bilion dan penswastan tanah asal seluas 1,007 ekar untuk projek pembangunan sebanyak RM10 bilion dan adakah ia dijalankan secara tender terbuka, namakan syarikat pembida dan lokasi baru pengkalan TUDM di Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Bagan, cadangan pemindahan dan pembangunan semula Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (PU) Butterworth, Pulau Pinang ini secara prinsipnya kerajaan telah bersetuju akan dijalankan melalui kaedah “*land swap*” oleh Syarikat LTAT-TSR CAPITAL-PBT JV.

Sebagai balasan, pihak syarikat akan membina semula fasiliti Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) iaitu, Pangkalan Udara (PU) Butterworth di tanah yang dicadangkan yang masih belum dimuktahirkan. Kesemua persetujuan kedua-dua belah pihak ini akan diputuskan setelah segala cadangan dan persetujuan balas kedua-dua pihak dimuktamadkan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : SELASA, 11 MAC 2014

RUJUKAN : L1 [PR-1321-L59556]

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan siapakah juruperunding yang dilantik untuk melakukan tugas-tugas menilai semula nilai tahunan hartatanah dalam Bandaraya Kuala Lumpur, fi konsultan yang dibayar bagi tugas tersebut dan kedudukan bantahan awam bagi kenaikan nilai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak pernah melantik mana-mana juruperunding untuk menjalankan tugas-tugas penilaian semula. Ianya dijalankan sendiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH), DBKL. Dengan demikian tiada bayaran fi kepada konsultan.

Daripada 507,800 Notis Semakan Semula Senarai Nilai yang dikeluarkan, pihak DBKL menerima 166,724 bantahan bersamaan 32.83%.

Pendengaran Bantahan diadakan di lapan (8) lokasi yang berbeza iaitu berdekatan dengan hartanah masing-masing. Lokasi tersebut ialah Pusat Komuniti Bukit Bandaraya, Pusat Komuniti Bandar Manjalara, Pusat Komuniti Taman Ibu Kota, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Tingkat 5 Bangunan TH Perdana, Jalan Sultan Ismail, Kompleks Perniagaan Keramat Mall, Perpustakaan Kuala Lumpur, Institut Latihan Dewan Bandaraya dan Jabatan Pengangkutan Bandar di Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2.

Sehingga 26 Februari 2014, sebanyak 172 sesi telah berjaya diadakan dengan mencatat kehadiran seramai 25,594 orang pembantah daripada 160,374 bilangan pembantah yang dipanggil (16%).

Pembantah yang hadir adalah terdiri daripada peniaga, pesara, warga kerja swasta, warga kerja kerajaan, penjaja dan sebagainya bagi mewakili hartanah masing-masing seperti kediaman, kedai, tanah kosong dan lain-lain hartanah.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]

TARIKH : Hari Selasa, 11 Mac 2014

SOALAN : **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah kerajaan memerangi orang tengah dalam sektor pertanian khususnya bagi membebaskan nelayan daripada cengkaman orang tengah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa peranan orang tengah tidak boleh dinafikan dan wajar dihargai, namun bilangannya perlu diminimakan dan dikawal bagi mengelakkan manipulasi secara berleluasa terhadap pengeluar dan pengguna, khususnya para petani dan nelayan. Dalam hal ini, peranan orang tengah dapat dikurangkan sekiranya kita dapat memendekkan rantaian nilai dengan memastikan lapisan atau *tier* pemasaran dikurangkan seterusnya menguasai setiap peringkat rantaian nilai dari pengeluar, pengedar dan pemasar hasil pertanian iaitu dari ladang hingga ke pengguna.

Dalam hal ini adalah perlu Kerajaan mengenal pasti beberapa strategi utama dalam mengatasi permasalahan monopoli atau manipulasi orang tengah iaitu:

- (i) meningkatkan pengeluaran bekalan agromakanan utama seperti ikan, sayuran, buah-buahan, ayam, dan daging;
- (ii) memendekkan rantai nilai seperti memperkuat dan memantapkan saluran pemasaran sedia ada;
- (iii) mewujudkan saluran pemasaran yang baharu;
- (iv) meningkatkan *market share* (dengan izin) pasaran produk agromakanan oleh agensi pemasaran seperti FAMA, LKIM dan LPP; dan
- (v) menambahbaik skim, bantuan, kemudahan, dan program sokongan sedia ada untuk pengeluar.

Program jihad memerangi orang tengah dilancarkan secara berperingkat-peringkat. Bagi subsektor padi, majlis pelancarannya telah diadakan pada 16 Januari 2014 di Kota Bharu, Kelantan.

Sebanyak empat (4) strategi untuk subsektor padi yang dilaksanakan iaitu:

- (i) Menggerakkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai badan pengurusan bagi pembelian padi dari pesawah terus ke kilang melalui Pusat Belian Padi (PBP). Jumlah penglibatan petani dalam urusniaga belian padi melalui PPK (70% daripada jumlah keseluruhan petani iaitu 71,345 orang pesawah akan terlibat. Sebanyak 8 buah PBP dijangka akan disiapkan pada tahun 2014;
- (ii) Penyeragaman harga padi di Semenanjung pada kadar: RM1,200/mt (tertakluk kepada mutu sebenar padi). Pelaksanaan pemutuan sebenar padi di PBP yang melibatkan PPK, petani, BERNAS dan juga di kilang padi swasta. Manakala pemindahan padi antara negeri dibenarkan tertakluk kepada pengeluaran permit oleh Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras (KPB). Buat masa ini beberapa siri penerangan berhubung dengan pemutuan sebenar padi dan penyeragaman harga telah dilaksanakan di semua peringkat;
- (iii) Dana Kebajikan Petani yang diuruskan oleh setiap PPK dengan modal pusingan sebanyak RM100,000.00 kepada setiap PPK. Majlis penyerahan

dana kepada PPK dijangka akan diadakan pada 22 Mac 2014 di PPK Beseri Perlis;

- (iv) memantapkan pengagihan beras subsidi ST15 dengan perkara-perkara berikut:
- pengagihan dilaksanakan di PBP /PPK/ Kilang Beras BERNAS;
 - pelabelan - Kampit beras ST15 perlu dilabel dengan “Kegunaan Isi Rumah Warganegara Malaysia Sahaja” dan pembelian dihadkan dua (2) kampit untuk satu keluarga;
 - dipasarkan di kedai-kedai seperti berikut:
 - Kedai Agro bazar, Kedai KRIM, Kedai TUKAR, PERNAMA, Kedai Peladang dan sebagainya;
 - penjualan di hypermarket akan dihentikan; dan
 - dilaksanakan bermula pada 1 April 2014.

Majlis pelancaran jihad memerangi orang tengah dalam sub-sektor perikanan telah diadakan pada 9 Februari 2014 di Kuantan, Pahang.

Sebanyak 8 strategi utama yang akan dilaksanakan iaitu:

- (i) Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan memainkan peranan untuk membeli terus hasil tangkapan nelayan dengan menawarkan harga setanding dengan yang ditawarkan oleh orang tengah. Sehingga ini sebanyak RM12 Juta telah diterima oleh NEKMAT untuk membeli terus dan menjual hasil tangkapan nelayan;
- (ii) mengambil alih hutang nelayan sebanyak RM40 juta daripada orang tengah menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Buat masa ini TEKUN sedang memperhalusi mekanisma pelaksanaan dan dijangka program akan dapat dilaksanakan penghujung Mac 2014;
- (iii) menyediakan tabung pinjaman tanpa faedah untuk kecemasan sebanyak RM50,000 kepada 87 Persatuan Nelayan Kawasan termasuk Sabah dan

Sarawak menerusi NEKMAT. Mekanisma pelaksanaan sedang disediakan oleh LKIM;

- (iv) menyediakan tabung pinjaman mudah menerusi TEKUN Nasional bagi membeli bot ataupun sampan serta peralatan penangkapan;
- (v) menambah 50 pasar nelayan baharu di seluruh negara bagi membolehkan nelayan atau keluarga memasarkan terus hasil jualan. Tapak-tapak telah dikenal pasti dan sedang dalam proses mendapatkan kebenaran menduduki oleh Kerajaan Negeri;
- (vi) nelayan menjual terus hasil tangkapan mereka kepada NEKMAT untuk tujuan sejuk beku yang akan dipasarkan melalui outlet Program Ikan Rakyat. Sebanyak 112 outlet Ikan Rakyat telah beroperasi di seluruh negara. Lokasi outlet baru akan dikenal pasti;
- (vii) mewujudkan lebih banyak pusat pengumpulan (CC) dan pusat pengedaran (DC). Lokasi CC dan DC yang baru sedang dikenal pasti; dan
- (viii) menyediakan lebih banyak tapak niaga di pasar tani dan konsep jualan terus secara *Fish-On-Wheel*. Sehingga kini sebanyak 258 daripada 517 pasar tani telah disertai oleh NIKMAT/ Persatuan Nelayan Negeri/ Persatuan Nelayan Kawasan dan terdapat 4 buah motosikal roda tiga sedang diusahakan oleh Persatuan Nelayan Kuantan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN : 47

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) Bilakah sijil kelulusan KLIA2 akan diberikan oleh Jabatan Bomba, Indah Water Consortium dan Majlis Perbandaran Sepang.
- (b) Bilakah ahli-ahli Parlimen akan diberikan kebenaran untuk melawat tapak projek KLIA2 seperti dipinta.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada 27 Februari 2014 telah mengesahkan bahawa bangunan terminal KLIA2 ini selamat untuk digunakan. Syarikat Indah Water Konsortium (IWK) akan mengeluarkan surat perakuan selepas pembaikan sistem pembedungan siap dilakukan pada bulan April 2014. Manakala Majlis Perbandaran Sepang telah mengadakan lawatan pemeriksaan pada 26 Februari 2014 dan dijangka mengeluarkan surat perakuan dalam tempoh terdekat.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian telah mengaturkan satu lawatan ke projek KLIA2 untuk ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Awam Negara (PAC) pada 13 Mac 2014.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab mengapa Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan tidak patut dipinda untuk memberi kuasa untuk pendakwaan kes-kes rasuah kepada SPRM.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Peguam Negara mempunyai kuasa untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri dan mahkamah tentera. Namun demikian, mana-mana orang yang dilantik oleh Pendakwa Raya untuk menjadi Timbalan Pendakwa Raya boleh menjalankan kuasa Pendakwa Raya tetapi hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Pendakwa Raya. Ini adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] yang menyatakan seperti yang berikut:

“Public Prosecutor

376. (3) The Public Prosecutor may appoint fit and proper persons to be Deputy Public Prosecutors who shall be under the general control and direction of the Public Prosecutor and may exercise all or any of the rights and powers vested in or exercisable by the Public Prosecutor by or under this Code or any other written law except any rights or powers expressed to be exercisable by the Public Prosecutor personally and he may designate any of such Deputy Public Prosecutors as Senior Deputy Public Prosecutors.”.

2. Terdapat Timbalan Pendakwa Raya yang dilantik oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah dan ditempatkan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Timbalan Pendakwa tersebut sememangnya diberi kuasa untuk membuat keputusan untuk menjalankan pendakwaan atau sebaliknya bagi kes-kes yang disiasat oleh SPRM.

3. Di mana-mana negara pun, kuasa untuk membuat pertuduhan dan pendakwaan terletak pada Peguam Negara atau pun Pendakwa Raya yang bebas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana agensi penyiasatan. Dalam menjalankan penyiasatan dan pendakwaan, perlu ada '*check and balance*'. Sekiranya SPRM diberi kuasa membuat keputusan untuk mendakwa, maka tidak wujud unsur pemikiran yang bebas (*independence of mind*) dalam mempertimbangkan fakta dan keterangan sesuatu kes secara objektif.

4. Isu meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memberi kuasa memulakan pendakwaan kepada SPRM untuk kes-kes rasuah tidak timbul. Ini adalah kerana kuasa mutlak untuk memulakan pendakwaan hanya terletak pada Peguam Negara yang tidak boleh dijadikan alasan pemberian kuasa Peguam Negara kepada mana-mana pihak lain apatah lagi kepada badan yang menjalankan siasatan bagi memastikan keadilan kepada semua pihak yang terlibat.

5. Di samping itu, adalah janggal sekiranya agensi penguatkuasaan seperti SPRM yang menjalankan risikan dan penyiasatan dan pada masa yang sama turut diberi kuasa untuk mendakwa. Mengambil contoh yang lain, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) turut menjalankan siasatan kes-kes jenayah yang lain dan

pendakwaannya dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya. Mekanisme pendakwaan sedia ada ini berjalan lancar untuk semua agensi penguatkuasaan undang-undang Malaysia dan tiada sebab yang kukuh mengapa ia perlu diubah.

6. Siasatan yang dijalankan oleh SPRM dan agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain perlulah diteliti dan disemak oleh Peguam Negara bagi menjamin ketelusan, keseimbangan dan keadilan selaras dengan kedudukan Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya yang mempunyai kawalan dan kuasa untuk mengeluarkan arahan bagi semua pendakwaan kes jenayah dan prosiding di bawah Kanun Tatacara Jenayah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah.

7. Di samping itu juga, asas pertimbangan dalam membuat sesuatu pendakwaan adalah sama ada terdapat keterangan yang mencukupi bagi mendapatkan sabitan terhadap setiap pertuduhan yang dibuat terhadap orang kena tuduh. Keterangan yang ada hendaklah keterangan yang relevan, boleh diterima dan boleh dipercayai (*credible*) bagi memastikan sabitan diperolehi dan juga bagi memastikan keadilan kepada semua pihak.

8. Asas pertimbangan ini diguna pakai bagi setiap kes jenayah termasuklah kes rasuah tanpa mengira siapa atau apakah kedudukan pelaku jenayah tersebut. Sehubungan dengan itu, tidak wujud unsur percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) dalam membuat sesuatu keputusan untuk mendakwa. Standard pendakwaan dalam semua kes jenayah termasuk kes rasuah juga adalah selaras apabila

pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada Jabatan Peguam Negara.

9. Oleh yang demikian, kuasa pemutus untuk mendakwa hendaklah diberikan secara eksklusif kepada Peguam Negara bagi melancarkan pentadbiran sistem undang-undang negara ini. Kerajaan tidak bercadang untuk memberi kuasa mendakwa dalam kes-kes rasuah kepada SPRM secara mutlak tanpa perlu merujuk kepada Peguam Negara kerana dalam menjalankan siasatan dan pendakwaan bagi sesuatu kes rasuah itu perlu wujud '*check and balance*' antara kuasa kedua-dua institusi ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran terperinci kos penerbangan menggunakan pesawat eksekutif Kerajaan untuk membawa isteri Perdana Menteri untuk menghadiri *4th Qatar International Business Women Forum* pada bulan November 2013.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kos penerbangan bagi menghadiri *4th Qatar International Business Women Forum* berjumlah RM349,489.46 yang melibatkan RM196,614.31 untuk kos bahan api dan RM229,875.15 untuk kos navigasi, terbang lintas dan agen pengendalian darat.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan dalam mewujudkan Jawatankuasa Bertindak Banjir bertepatan bagi memberi perkhidmatan dan persediaan yang lebih baik ketika hendak menghadapi banjir dan adakah Kerajaan berhasrat menetapkan bantuan kewangan dalam nilai tetap (mengikut kategori kerugian) kepada mangsa banjir bagi membantu meringankan beban mereka.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) melalui Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan 2012) dengan jelas telah menerangkan mengenai kaedah koordinasi gerak kerja khusus dalam pengurusan bencana di setiap peringkat pentadbiran. Jawatakuasa Pengurusan Bencana peringkat Daerah, Negeri dan Pusat yang mana masing-masing dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas sepertimana yang terkandung di dalam Arahan MKN No. 20 pada peringkat sebelum berlaku bencana, tindakbalas semasa bencana serta pemulihan selepas bencana.

Selain itu, *Standard Operating Procedure* (SOP) Pengendalian Bencana Banjir telah dikeluarkan MKN, JPM sebagai panduan Jabatan/Agensi dalam menangani bencana berkenaan dengan lebih bersepadu, terselaras dan berkesan.

Bagi menambahbaik gerak kerja pengurusan bencana juga, Pelan Kontingensi Menghadapi Situasi Banjir Ekstrem yang telah digunapakai oleh agensi-agensi pengurusan bencana bermula pada 16 Disember 2013 lalu di mana tugas dan tanggungjawab setiap agensi telah ditambahbaik termasuklah kaedah menangani bencana

banjir luar jangka. Pelan ini perlu dibaca bersama dengan Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Banjir.

Pelaksanaan tindakan oleh Jabatan/Agensi yang terlibat dalam menangani bencana banjir dalam aspek-aspek pencegahan, persediaan, tindakan balas serta bantuan dan pemulihan hendaklah sentiasa memberi tumpuan kepada kecemerlangan tugas yang dijalankan supaya segala penggunaan sumber dalam menangani bencana yang berlaku memberikan hasil yang maksimum ke atas keselamatan awam (*public safety*).

Manakala bagi membantu meringankan beban penyaluran wang tunai RM500 kepada ketua isi rumah yang terlibat dengan bencana banjir. Bantuan yang diberikan ini bukanlah ganti rugi atau pampasan sebaliknya bantuan ihsan yang bersandarkan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff**
[Rantau Panjang]
TARIKH : **11.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah agenda penambahbaikan terhadap sistem pelaksanaan dasar PBS yang banyak kelemahan pelaksanaannya sebelum ini serta apakah hasil kajian keberkesanan terhadap sistem pembelajaran sejak ia diperkenalkan sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula di Tahun 1 Sekolah Rendah, pada tahun 2011 dan Tingkatan 1, Sekolah Menengah pada tahun 2012. Walaupun pelaksanaannya belum lengkap satu kitaran, dapatan lawatan pemantauan dan kajian impak PBS pada 2012 menunjukkan bahawa guru lebih kreatif dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kerana tiada lagi tekanan peperiksaan. Murid didapati lebih aktif dan kreatif selain daripada pembelajaran yang lebih seimbang kerana tidak lagi hanya berfokus terhadap pencapaian akademik semata-mata.

Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil inisiatif meneliti semula pelaksanaan PBS dengan membuat kajian semula PBS mulai Februari 2014

sehingga penghujung Mac 2014. Dalam tempoh ini, pelaksanaan PBS ditangguhkan sehingga keputusan kajian semula selesai. Sementara itu, guru diminta memberi fokus pengajaran seperti biasa pada murid. YAB Menteri Pendidikan akan memaklumkan tindakan penambahbaikan berasaskan kepada keputusan kajian semula tersebut.

Rjm 04

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KUALA LANGAT]**

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan pekerja-pekerja kontrak perkhidmatan di sektor awam yang bekerja lebih tiga tahun supaya diserapkan sebagai pekerja tetap.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar mengenai pelantikan secara kontrak dalam perkhidmatan awam dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (Contract of Service). Dasar yang berkuat kuasa telah menetapkan bahawa pelantikan kontrak dibuat atas keperluan berikut:

- i. untuk melaksanakan sesuatu tugas atau projek bagi tempoh yang terhad; atau
- ii. melaksanakan tugas bidang kemahiran tertentu melalui jawatan yang diwujudkan secara sementara bagi tujuan pembayaran gaji; atau
- iii. bentuk tugas yang hendak dilaksanakan lebih sesuai dilaksanakan oleh pegawai kontrak seperti perkhidmatan Bakat dan Seni.

Memandangkan pelantikan kontrak adalah bagi tujuan dan tempoh tertentu, Kerajaan tidak meletakkan komitmen pegawai akan dilantik atau diserap ke jawatan tetap. Sebaliknya, adalah menjadi tanggungjawab pegawai lantikan kontrak, termasuk yang telah berkhidmat **lebih dari tiga (3) tahun** untuk memohon jawatan secara tetap dengan Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan

berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman yang dimiliki. Pengalaman berkhidmat dengan Kerajaan boleh dijadikan kelebihan berbanding dengan calon lain bagi dipertimbangkan pelantikan secara tetap.

Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa, Kerajaan membantu pegawai lantikan kontrak yang akan menghadiri sesi temu duga bagi tujuan pelantikan secara tetap seperti melalui program "*Coaching*" dan "*Mentoring*" yang disediakan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. Dalam masa yang sama, pegawai juga didedahkan dengan program latihan bagi meningkatkan lagi kompetensi dalam bidang pekerjaan. Program tersebut dan pendedahan berterusan melalui program latihan akan dapat membantu pegawai untuk membuat persediaan semasa melalui temu duga jawatan tetap.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]
TARIKH : 11.03.2014
SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengurangkan kerja-kerja perkeranian yang sangat membebankan para guru, supaya guru-guru boleh menumpukan sepenuh perhatian dalam menjalankan tugas pengajaran di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin akan kebajikan guru-guru dan sentiasa mencari kaedah terbaik dalam menangani beban tugas guru. Susulan Mesyuarat Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) – Pemantapan Profesion Guru (PPG) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Jun 2013, telah memberi tanggungjawab bersama kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan KPM untuk melaksanakan NBOS ke-8 iaitu Penjajaran Tugas Utama Guru.

Inisiatif NBOS ke-8 ini merupakan peluasan kepada program PPG yang sedang dilaksanakan di Melaka dan skop kajian telah diperluaskan ke seluruh negara. Skop kajian ini melibatkan semua kategori guru di sekolah berbanding dengan

pelaksanaan rintis PPG di Melaka yang hanya melibatkan tiga (3) kategori guru iaitu Guru Data, Guru Perpustakaan dan Media serta Guru Penyelaras Bestari.

NBOS ke-8 telah bermula pada 1 Julai 2013 yang merangkumi empat (4) bidang kajian iaitu mengkaji bebanan tugas guru, ketidaksepadanan opsyen guru, saiz kelas yang ideal dan isu pertindihan pangkalan data. Setiap bidang kajian mempunyai objektif yang terperinci, antaranya untuk mengkaji pemberatan tugas profesional dan bukan profesional guru yang boleh dijajar kepada Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di sekolah.

Pada 20 November 2013, dapatan awal kajian ini telah dibentangkan dalam mesyuarat NBOS yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Mesyuarat tersebut telah memutuskan supaya pelaksanaan secara rintis di dua (2) negeri iaitu Melaka dan Kedah bermula dari Januari 2014 hingga Julai 2014. Hasil dapatan bersama cadangan berkaitan pelaksanaan rintis di dua (2) negeri ini dijangka dibentangkan dalam NBOS Summit pada bulan Ogos 2014 untuk mendapatkan pandangan dan keputusan lanjut dalam hala tuju seterusnya pelaksanaan NBOS-PPG.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berhubung dengan isu kemasukan pendatang etnik Rohingya dari Myanmar yang telah berada di Malaysia melebihi 10 tahun dan telah memohon untuk mendapat Taraf Penduduk Tetap (PR) negara ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak mengiktiraf status “pelarian” memandangkan Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan/atau Protokol 1967. Namun demikian atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan “pelarian” yang merupakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad UNHCR yang sah untuk tinggal sementara sehingga dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Dasar ini juga terpakai kepada “pelarian” etnik Rohingya dari Myanmar.

Kerajaan juga sentiasa menggesa pejabat UNHCR di Kuala Lumpur untuk mempercepatkan proses penghantaran pulang “pelarian” ke negara asal atau dihantar ke negara ketiga khususnya di kalangan 147 negara yang menjadi negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Dalam masa yang sama, Pihak Berkuasa Malaysia juga sentiasa meningkatkan pemantauan dan kawalan di pintu-pintu masuk udara, sempadan darat dan laut bagi menghalang kemasukan “pelarian” yang baru ke dalam negara.

Manakala bagi permohonan Taraf Penduduk Tetap (PR) pula, perkara ini perlulah dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit yang sedang menjalani “hemodialysis” di Malaysia dengan pecahan yang dirawat di pusat Kerajaan dan yang dirawat di institusi swasta. Adakah benar subsidi RM50 untuk tiap sesi hemodialysis di sektor swasta tidak lagi ditawarkan pada pesakit baru sejak Mac 2013.

Tuan Yang di-Pertua

Secara amnya, peningkatan bilangan pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis pada setiap tahun adalah unjuran sebanyak 10% daripada tahun sebelumnya.

Merujuk *20th Report of the Malaysian Dialysis & Transplant Registry 2012*, sehingga 31 Disember 2012, seramai 26,404 orang pesakit menjalani hemodialisis di Malaysia. Bilangan pesakit yang menjalani hemodialisis di unit dialisis di seluruh negara adalah seperti berikut:

- i. 5,924 orang di unit dialisis hospital Kerajaan;
- ii. 7,088 orang di unit dialisis badan bukan Kerajaan (NGO);
- iii. 168 orang di unit dialisis universiti;
- iv. 65 orang di unit dialisis angkatan tentera Malaysia (ATM); dan
- v. 13,159 orang di unit dialisis institusi swasta (selain daripada di atas).

Tuan Yang di-Pertua

Dalam usaha untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik buat rakyat Negara ini, golongan rakyat miskin dan kurang berkemampuan yang mengalami penyakit ginjal tahap akhir (End Stage Renal Disease) diberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin (EPO) apabila mendapat rawatan dan suntikan ini di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Sejak tahun 2001 sehingga 2013, KKM telah memberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin kepada sejumlah 2,494 orang pesakit miskin dan kurang berkemampuan, iaitu pada kadar sebanyak RM50 untuk setiap rawatan dialisis dan RM30 untuk suntikan erythropoietin. Perbelanjaan Kerajaan bagi membiayai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin sejak dari tahun 2001 sehingga 2013 ialah RM284.51 juta dan pada tahun 2013 sahaja ialah RM31.60 juta telah diluluskan sebagai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin.

Sehingga kini, 59 Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan 119 pusat dialisis telah didaftarkan oleh KKM untuk menerima subsidi rawatan hemodialisis.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman, pihak KKM tidak pernah memberhentikan dan masih terus memberi subsidi rawatan hemodialisis RM50 dan RM30 bagi suntikan erythropoietin kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan. Sepanjang tahun 2013 sahaja, KKM telah meluluskan sejumlah 319 permohonan baru untuk mendapatkan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin yang melibatkan peruntukan sejumlah RM3.98 juta dalam bentuk pembiayaan subsidi. Pihak KKM akan terus menimbangkan semua permohonan baru untuk mendapatkan subsidi demi menjaga kesejahteraan rakyat Negara ini.

NO. SOALAN: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 11 MAC 2014

RUJUKAN : 6478

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status laporan polis ahli Parlimen Hulu Selangor yang mendakwa ditumbuk oleh seorang lelaki pada 12 Januari 2014, status dan berapakah laporan polis termasuk laporan THSL/004710/14 berhubung tawaran ganjaran wang sekumpulan NGO kepada sesiapa yang berjaya menampar ahli Parlimen Seputeh dan kezaliman mereka terhadap haiwan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kes yang melibatkan Ahli Parlimen Hulu Selangor yang ditumbuk oleh seorang lelaki pada 12 Januari 2014, satu laporan telah dibuat oleh YB P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan berkait Bukit Sentosa Repot 274/2014, kes ini disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan. Siasatan masih diteruskan dan kertas siasatan akan dikemukakan setelah siasatan selesai dijalankan kepada Pejabat Peguam Negara untuk nasihat dan ulasan selanjutnya.

Manakala bagi kes melibatkan tawaran yang dibuat oleh pihak NGO kepada sesiapa yang berjaya menampar Ahli Parlimen Seputeh sepertimana report THSL/004710/14 telah disiasat di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana mengugut dan juga di bawah Seksyen 9 (5) Akta Perhimpunan Aman 2012. Kes berkenaan adalah berkaitan demonstrasi bantahan yang dibuat oleh beberapa NGO Islam yang tidak puas hati dengan video klip yang menghina dan memperlekehkan Perdana Menteri yang dibuat oleh Teresa Kok dan beberapa individu lain. Kertas siasatan telah lengkap dan dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara pada 21 Februari 2014 untuk mendapatkan nasihat dan ulasan selanjutnya.

NO. SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH : 11 MAC 2014

RUJUKAN : 6479

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah alasan Kerajaan untuk menggantung penerbitan akhbar The Heat dan juga penarikan balik permit FZ Daily milik The Edge Communication Sdn. Bhd.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penggantungan sementara permit penerbitan bertajuk The Heat adalah kerana akhbar berkenaan telah melanggar syarat-syarat permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian. Walau bagaimanapun, Kementerian telah menarik balik penggantungan permit penerbitan tersebut setelah pihak penerbit membuat pengemaskinian data maklumat berkaitan pemilikan dan perubahan ketua pengarangnya.

Penerbitan surat khabar umum yang telah diluluskan permit penerbitan adalah memadai dengan jumlah pembaca di negara ini pada masa kini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN : 58

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tarikh penghabisan tempat letak kereta bertingkat di KTM Serdang yang telah terbengkalai untuk masa yang lama.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedia maklum akan masalah yang berlaku akibat kelewatan menyiapkan projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat di Stesen Komuter Serdang. Projek ini sepatutnya telah siap pada 2 Januari 2013, tetapi kontraktor gagal untuk menyiapkan kerjanya mengikut tempoh yang ditetapkan menyebabkan kontraknya dibatalkan. Masalah utama yang menyebabkan projek ini tidak dapat disiapkan oleh kontraktor berkenaan adalah disebabkan masalah aliran tunai dan kewangan di pihak kontraktor sendiri. Kontraktor telah dikenakan LAD sebanyak RM318,940.96 untuk tempoh kelewatan 208 hari bermula pada 3 Januari 2013 sehingga 29 Julai 2013. Selain itu, Wang Jaminan Perlaksanaan sebanyak RM424,000.00 iaitu 5% daripada kos kontrak juga telah dirampas sebagaimana peruntukan yang terkandung dalam kontrak.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa kini, Kerajaan melalui Perbadanan Aset Keretapi akan meneruskan projek ini sehingga siap melalui kontraktor penyelamat yang telah dilantik pada 27 Februari 2014. Kerja-kerja dijangka akan bermula pada 17 Mac 2014 bagi tempoh 12 bulan dan dijangka siap pada 16 Mac 2015.

NO. SOALAN: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah kerajaan bagi menyekat tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Dewan Rakyat (ADR) daripada menyalahgunakan proses demokrasi dengan meletakkan jawatan sebelum tamat tempoh perkhidmatan menyebabkan kerajaan kerugian wang rakyat dan adakah kerajaan bercadang meminda akta pilihanraya berkaitan supaya ADUN dan ADR ini dikenakan tindakan hukuman yang berat.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR melaksanakan fungsi-fungsinya berlandaskan kepada kerangka undang-undang negara yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut;

- (a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113-120);
- (b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- (c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);
- (d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981;
- (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
- (f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar Kerajaan membuat pindaan undang-undang bagi mengenakan tindakan terhadap mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan sebelum tamat tempoh perkhidmatan, Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (6) Perkara 48 telah menyatakan bahawa seseorang yang meletakkan jawatan akan hilang kelayakan untuk bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh perlepasan jawatannya berkuat kuasa.

Peletakan jawatan yang dimaksudkan adalah peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat berdasarkan kepada Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan dan sebagai Ahli Dewan Negeri berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri, oleh itu Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan merasakan undang-undang sedia ada masih sesuai untuk diteruskan untuk menyekat tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Dewan Rakyat daripada menyalahgunakan proses demokrasi dengan meletakkan jawatan sebelum tamat tempoh perkhidmatan. Namun begitu, semua pandangan oleh pelbagai pihak berhubung peletakan jawatan secara sengaja atau dengan niat tertentu akan dikaji oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT.**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)**
TARIKH : **11 MAC, 2014 (SELASA)**
NO SOALAN : **NOMBOR 60**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan **dasar dan langkah utama** untuk memastikan perpaduan dan kemakmuran Negara majmuk ini. **Setakat mana** beliau telah **berjaya**.

JAWAPAN :

Tan Sri Yang Di Pertua ;

Kerajaan sentiasa menjadikan perpaduan dan kemakmuran Negara sebagai elemen utama yang amat penting dan ia menjadi syarat asas untuk melonjakkan kedudukan Negara supaya setanding dengan Negara maju yang lain suatu ketika nanti. Oleh itu segala dasar dan langkah-langkah yang dilaksanakan semuanya menjurus ke arah mencapai syarat asas tersebut. Pelbagai usaha dipergiatkan dan jika terdapat kelemahan, ia sentiasa diteliti untuk diperbaiki.

Antara inisiatif terbaru Kerajaan untuk memastikan perpaduan dan kemakmuran Negara itu terus menerus diperkukuhkan ia lah **mengujudkan sebuah badan bebas yang menjadi platform untuk mendapatkan pandangan dan cadangan rakyat berhubung dengan usaha-usaha memelihara, mengukuh dan meningkatkan perpaduan**. Badan ini dikenali dengan nama Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) atau *National Unity Consultative Council (NUCC)*

yang telah ditubuhkan pada bulan September 2013 yang lalu. Badan yang dianggotai oleh pelbagai latar belakang individu yang mempunyai pengalaman, kemahiran ini akan membincangkan dan mengadakan *engagement* dan konsultasi dengan pelbagai kelompok dan lapisan masyarakat bagi mendapatkan pandangan, cadangan rakyat berkaitan dengan usaha mengukuhkan perpaduan dan kemakmuran Negara. Terdapat tiga pendekatan konsultasi dan *engagement* yang dijalankan antaranya ialah dengan mengadakan Dialog Perpaduan di seluruh Negara, mengadakan Perbincangan Meja Bulat (*Round Table Discussion – RTD*), dan mengadakan pertemuan tertutup dengan kumpulan-kumpulan berkepentingan (*interest group*). Pandangan, cadangan serta syor-syor yang diperolehi dari *engagement* ini akan dijadikan asas untuk menggubal pelan tindakan perpaduan yang lebih inklusif dan komprehensif.

Selain dari itu, program-program mengukuhkan perpaduan yang sedang dilaksanakan sekarang melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta beberapa agensi lain akan diteruskan. Kejayaan mengukuhkan perpaduan dan kemakmuran Negara itu tidak akan dapat dilihat dalam masa yang singkat. Ia memakan masa yang panjang dan usaha-usaha yang dilakukan sekarang akan hanya boleh dilihat kesannya 10 atau 15 tahun akan datang. Sama jugalah seperti keadaan sekarang yang makmur ini, di mana ia adalah hasil usaha 10 atau 15 tahun yang lalu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
TARIKH : 11.03.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kementerian berhasrat untuk mengekalkan SJKT Seaport sebagai sekolah komuniti di tapak asal mereka iaitu di Kelana Jaya di samping membina sebuah sekolah baru di Kg Lindungan, jika tidak, kenapa tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tapak SJKT Seaport yang sedia ada, iaitu di Jalan SS 7/4, Kelana Jaya, merupakan tapak milik pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Sebarang perancangan untuk membangunkan kawasan tersebut perlu dirujuk kepada pihak PKNS. Berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh KPM, PKNS telahpun mempunyai perancangan yang tersendiri bagi membangunkan tapak berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membina sebuah sekolah gantian bagi SJKT ini di atas sebahagian tapak SK Kg Lindungan (2). Jarak di antara tapak sekolah asal dengan sekolah gantian ini adalah lebih kurang 2.5 km.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Hajah Norah binti Abd
Rahman [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 11.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 62

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat meluluskan projek naik taraf dan menyambung jalan di kampung-kampung di Pulau Brait untuk kemudahan rakyat ke bandar, hospital, bank, pusat pentadbiran Kerajaan dan menyambung jalan dari utara ke selatan Pulau Brait untuk ke sekolah menengah yang pertama dibina untuk seluruh Pulau Brait dan ia terletak di Kampung Semop, selatan Pulau Brait.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian bersedia mempertimbangkan permohonan projek menaik taraf dan menyambung jalan di kampung-kampung di Pulau Brait terutamanya di Kampung Semop, selatan Pulau Brait di bawah program Jalan Perhubungan Desa secara berperingkat-peringkat berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2010 Kementerian telahpun melaksanakan 15 projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) di Pulau Brait berjumlah RM637,000.00. Pada tahun ini, Kementerian telah meluluskan pelaksanaan projek 'Naik taraf jalan (simen) di Kampung Semop, Pulau Brait' dengan kos berjumlah RM200,000.00 dan akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Daro.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**
(PENGKALAN CHEPA)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **11.03.2014**

Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN [PENKALAN CHEPA] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah status Kompleks Kastam Kuala Besar yang dicadang pembinaannya di PT 454, Mukim Che Latif, Belimbing, Kota Bharu.

JAWAPAN

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, pada asalnya Jabatan Kastam Diraja Malaysia bercadang untuk membina Kompleks Kastam Kuala Besar untuk menempatkan Cawangan Marin bagi menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dan rondaan laut dan sungai bagi mencegah aktiviti penyeludupan. Walaubagaimanapun, pembinaan Kompleks Kastam Kuala Besar tidak diteruskan kerana kawasan tersebut didapati tidak sesuai

disebabkan perairannya yang cetek dan sentiasa dilanda banjir.

Butir tanah asal yang dicadangkan:

Lot/PT : PT 454

Keluasan : 3994 Meter Persegi

Mukim : Che Latiff

Daerah : Badang

Surat Hakmilik Sementara : H.S (D)KB 96/94

Sehubungan itu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah memindahkan pembinaan projek di lokasi di Pengkalan Kubor, Daerah Tumpat yang bersempadan dengan Thailand. Projek ini telahpun siap sepenuhnya dan telah digunakan serta dinamakan sebagai Pengkalan Marin Kastam Pengkalan Kubor.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA
PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 11.03.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah benar terdapat ramai bekas warga tentera yang dihilangkan rekod perkhidmatan daripada simpanan Jabatan Hal Ehwal Veteran antaranya 411126 Mejar (B) Ali Al Hussaini Sharif dari Kor Risik ATM dan mereka dinafikan faedah melalui JHEV dan jika ya, nyatakan berapa ramaikah mereka yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan ini adalah tidak benar. Rekod perkhidmatan (fail peribadi) bekas anggota tentera (berpencen dan tidak berpencen) terdapat di dalam simpanan Bahagian Perkhidmatan Anggota (BPA), Markas Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Pertahanan. Manakala bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat (LLP) yang berpencen, fail pencen mereka berada di dalam simpanan Bahagian Pencen, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). Bagi kes yang dirujuk oleh YB Lumut, pihak kementerian tidak dapat menyiasat dakwaan yang dikemukakan kerana maklumat nombor tentera (411126) yang diberikan adalah milik pegawai lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]
TARIKH : 11.03.2014 (SELASA)

TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan perkembangan program 'komuniti *drumming*' untuk bekalan petrol dan diesel kepada penduduk luar bandar yang telah gagal dilaksanakan dengan sempurna sehingga menyebabkan ianya diberhentikan sehingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Program '*Community Drumming*' merupakan satu program yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu penduduk di kawasan pedalaman untuk mendapatkan bekalan petrol dan diesel pada harga kawalan Kerajaan dan telah dilaksanakan sejak tahun 2009. Melalui program ini, Kerajaan memberi subsidi bagi pengangkutan kedua-dua komoditi ini jauh ke kawasan pedalaman untuk memastikan bekalan sampai kepada penduduk setempat serta dapat dijual pada harga kawalan Kerajaan iaitu RM2.10 bagi petrol RON95 dan RM2.00 bagi diesel.

Bagi pelaksanaan tahun 2014, Kementerian telah selesai melantik syarikat-syarikat *transporter* tempatan dan penghantaran telah mula dilaksanakan pada bulan ini (Mac 2014).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :

YB Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- a) faktor peningkatan mendadak kes demam denggi dalam negara ketika ini; dan
- b) langkah-langkah tindakan yang telah diambil bagi mengekanginya daripada terus menjadi wabak dan berapa jumlah peruntukan yang disediakan untuk pendidikan masyarakat berkenaan denggi.

Peningkatan kes denggi yang berlaku merupakan fenomena global yang turut dialami oleh Malaysia. Peningkatan ini juga disebabkan oleh beberapa faktor lain iaitu:

1. Perubahan serotype virus denggi (*serotype shift*), di mana dari akhir tahun 2012 hingga Februari 2013, *serotype virus* yang dominan di Malaysia adalah DEN 4 tetapi pada bulan Mac 2013 ia bertukar kepada DEN 2. Perubahan *serotype* ini boleh menyebabkan kes atau kematian meningkat. Serotype DEN 2 juga boleh menyebabkan manifestasi klinikal yang lebih teruk dan menyebabkan risiko komplikasi yang lebih tinggi sehingga menyebabkan kematian.
2. Kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan penularan jangkitan lebih mudah dan pembangunan yang pesat memberi kesan kepada peningkatan tempat-tempat pembiakan Aedes.
3. Pergerakan penduduk yang lebih meluas melalui pengangkutan moden turut meningkatkan penyebaran virus denggi ke kawasan yang tiada kes sebelumnya dan ke tempat-tempat lain.
4. Kurangnya kesedaran masyarakat dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka. Malah ada di kalangan orang ramai yang masih membuang sampah secara tidak berhemah. Ini akan menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
5. Faktor cuaca terutama pada waktu hujan menyebabkan bekas-bekas boleh menakung air dan meningkatkan pembiakan Aedes

6. Kurangnya amalan masyarakat melakukan aktiviti “cari dan musnahkan” tempat pembiakan Aedes seminggu sekali di kediaman atau persekitaran mereka.
7. Pengurusan sampah domestik dan pukal yang tidak dilaksanakan dengan baik serta tempat pengumpulan sampah tidak terurus turut menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
8. Terdapat tempat pembuangan sampah haram dan tidak diuruskan dengan sempurna. Ini juga menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
9. Terdapat struktur-struktur bangunan yang dibina, menyumbang kepada terjadi tempat pembiakan Aedes terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM telah memperuntukan sebanyak RM3 juta untuk aktiviti pendidikan kesihatan bagi pencegahan denggi.

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui pemantauan kes-kes yang dilaporkan secara harian di seluruh negara; melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan; mempertingkatkan aktiviti pencegahan terutama di kawasan yang berisiko tinggi; dan meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan denggi. Kementerian Kesihatan juga telah

melaksanakan program-program baru untuk menghalang denggi dari terus meningkat. Berikut adalah tindakan yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Melaksanakan “Ops Gempur Aedes” iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013.
2. Melaksanakan kempen Program Ayuh Gempur Aedes Perdana yang dilancarkan pada 5 Januari 2014, oleh YB. Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.
3. Mengadakan Dengue Walk About di lokaliti hotspot denggi yang disertai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
4. Melaksanakan kempen “Jom Hapus Tempat Pembiakan Aedes” di 10 lokaliti hotspot denggi pada 2 Mac 2014 yang diketuai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
5. Mengadakan Mesyuarat Mingguan Wabak Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
6. Melaksanakan halatuju baru program kawalan dan pencegahan denggi Kebangsaan yang mengutamakan penghapusan tempat-tempat pembiakan Aedes.
7. Melaksanakan kaedah kawalan denggi yang baru menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu semburan ruang menggunakan kawalan biologi *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti), semburan ruang menggunakan

temephos (pembunuh jentik-jentik) dan menggunakan perangkap nyamuk Autocidal Ovitrap.

8. Memastikan bekalan temephos untuk orang awam mudah diperolehi dengan kerjasama daripada syarikat pengeluar.
9. Menambah bilangan Klinik Kesihatan yang memberi perkhidmatan Extended Hour kepada 72 Klinik Kesihatan di seluruh negara.
10. Memastikan semua hospital mempunyai katil yang cukup untuk menampung peningkatan kemasukkan kes denggi di hospital.
11. Mempertingkatkan penyaluran maklumat denggi kepada orang ramai iaitu melalui kenyataan akhbar mingguan, laman web KKM, laman web iDenggi dan Facebook CPRC KKM.
12. Menjalankan promosi kesihatan tentang denggi di media masa perdana dan media sosial.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN – BN]**

TARIKH : 11 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 67)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- a) apakah kejayaan dan sumbangan yang dicapai oleh International Youth Centre (IYC) dalam membantu meningkatkan pencapaian belia-belia di Malaysia; dan
- b) inisiatif Kementerian dalam menghasilkan atlet berwibawa yang semakin tenggelam pada masa kini.

JAWAPAN (a)

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, International Youth Centre (IYC) merupakan sebuah agensi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berperanan sebagai sebuah institusi pembangunan keilmuan dalam bidang kerja belia. IYC dilahirkan oleh KBS sebagai sebuah institusi '*extension arm*' (dengan izin) atau penyalur kesinambungan kepada program dan aktiviti KBS. IYC merancang dan melaksanakan program-program keilmuan khususnya dalam bidang kepimpinan belia dan kesukarelaan di peringkat antarabangsa.
2. Sebagai sebuah institusi pembangunan belia, IYC dengan sokongan KBS dan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) serta badan-badan NGO belia antarabangsa seperti World Assembly of Youth (WAY), Asian Youth Council (AYC), Committee for ASEAN Youth Cooperation (CAYC) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) sendiri melaksanakan program-program belia antarabangsa yang disertai oleh belia-belia negara ini dan juga pemimpin-pemimpin belia dari seluruh pelosok rantau Asia.
3. Program-program yang dianjurkan berbentuk seminar dan bengkel dengan tajuk-tajuk utama berhubung pembangunan dan cabaran belia pada masa kini dan masa hadapan.
4. Dengan program-program yang dianjurkan itu, ianya merupakan satu platform kepada golongan belia khususnya pemimpin-

pemimpin belia negara ini dapat berkongsi ilmu, pengalaman dan pendapat dengan pemimpin-pemimpin belia dari luar negara. Program-program tersebut juga sebagai mempersiapkan belia Malaysia dengan ilmu dan kepakaran dalam kerja-kerja belia sebelum dipilih oleh pihak KBS sendiri atau pihak-pihak NGO belia untuk menyertai program-program pembangunan belia di luar negara, di samping mereka dapat menimba kemahiran dan kepakaran sendiri.

5. IYC juga menganjurkan program belia tempatan khususnya program keilmuan secara bersama dengan rakan kongsi yang dikenalpasti dari semasa ke semasa. Di antaranya adalah program berbentuk bicara eksekutif, program kepimpinan dan kesukarelaan dengan melibatkan pembentang-pembentang di kalangan para akademik dan tokoh-tokoh negara. Bagi tahun 2010 sehingga tahun 2013, sebanyak 12 siri program bicara eksekutif (*Executive Talk*) telah dijalankan dengan menyentuh pelbagai topik bersempena dengan perayaan hari-hari tertentu di peringkat dunia seperti Hari Sukarelawan Sedunia, Hari Alam Sekitar Sedunia, Hari Kesihatan Sedunia dan Hari Wanita Sedunia. Penganjuran program-program seumpama ini adalah bagi menggalakkan golongan muda negara ini menghayati perayaan-perayaan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa di samping menggalakkan penglibatan mereka dalam merayakan hari-hari tersebut.
6. Di samping itu, IYC turut menganjurkan aktiviti untuk golongan remaja melalui Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) yang diilhamkan oleh KBS sendiri. Seramai 658 orang peserta program ini telah dilatih dan dibimbing oleh IYC sejak

penubuhan IYC sebagai sebuah Badan Operasi bertauliah pada tahun 2000, melalui aktiviti kemasyarakatan, kemahiran dan rekreasi fizikal. Sehingga tahun 2012, IYC telah berjaya melahirkan 6 orang peserta sehingga ke peringkat pengiktirafan tertinggi iaitu Emas.

JAWAPAN (b)

Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui agensinya Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) telah menganjurkan Unit Jati Diri dan Bina Insan mulai tahun 2007 untuk memastikan aspek kekuatan emosi, jati diri dan spiritual diberi penekanan. Kementerian sentiasa peka dengan keperluan-keperluan kerohanian dan jati diri di kalangan atlet untuk menjamin kejayaan di samping persediaan fizikal, teknikal, taktikal dan pendekatan sains sukan.
2. MSN sentiasa menganjurkan kem-kem bina semangat, jati diri, ESQ (Emotional Spiritual Quotient) untuk meningkatkan jati diri, kecerdasan emosi dan spiritual serta semangat sepasukan di kalangan atlet Negara dan juga atlet pelapis. Untuk mencapai objektif ini, MSN juga turut melaksanakan aktiviti dan program yang berunsur keagamaan manakala pendekatan kemahiran psikologi yang dilaksanakan oleh Pusat Psikologi Sukan, Institut Sukan Negara (ISN). Kesemua pendekatan ini dilaksanakan dari semasa ke semasa dan diharapkan supaya dapat melahirkan atlet

SULIT

yang bukan sahaja mantap dari kecergasan rohani dan jasmani, tetapi juga akan berjaya di dunia dan akhirat.

3. Selain daripada itu, MSN juga telah menyediakan skim insentif iaitu Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) kepada para atlet yang berjaya mencapai prestasi cemerlang dan mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Secara tidak langsung, insentif ini dapat memberikan motivasi luaran kepada mereka untuk lebih berjaya dan menjadi pendorong untuk mencipta kemenangan dalam apa jua pertandingan yang disertai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :

YB Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan penambakan yang diambil oleh Kementerian bagi menjaga kebajikan jururawat-jururawat yang bertugas di hospital Kerajaan mahupun swasta kerana terdapat pelbagai rungutan mengenai kebajikan jururawat diabaikan oleh pihak Kementerian antaranya jururawat yang bekerja pada syif malam tiada tempat untuk makan, ditinggalkan berseorangan dengan penjenayah yang tercedera dan kadangkala diminta bertugas tanpa cuti dalam tempoh seminggu.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan jururawat memberikan jagaan perawatan yang berkualiti dan mengelakkan keletihan yang boleh menyumbang kepada kesilapan, tugas malam dari 7 malam telah dikurangkan kepada 3 malam, ini berdasarkan **Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 6/2000**. Jadual tugas jururawat adalah 7 jam untuk syif pagi dan petang, manakala syif malam agak panjang iaitu selama 10 jam.

Semasa bertugas malam mereka diberi makanan ringan sebanyak RM3.00 untuk 3 malam. Pemberian *ration* ini adalah tertakluk kepada hospital di mana mereka bertugas.

Bagi jururawat yang bertugas di sektor swasta, mereka terikat dengan polisi dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan hospital berkenaan. Walau bagaimanapun, mereka terikat dengan *Code Of Professional Conduct for Nurses*, Akta-Akta Jururawat dan garis panduan serta peraturan-peraturan jagaan perawatan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Jururawat Malaysia (LJM).

Setiap wad di hospital disediakan dengan sebuah pantri khas untuk penyediaan minuman dan makanan bagi pesakit. Walau bagaimanapun, jururawat dibenarkan untuk menggunakan pantri tersebut untuk minum dan makan secara bergilir bagi memastikan penjagaan pesakit tidak terabai.

Seorang jururawat mempunyai tanggungjawab untuk memberikan jagaan perawatan pada pesakit tanpa memilih status, bangsa, agama atau keadaan pesakit termasuklah penjenayah yang cedera. Setiap penjenayah yang dirawat di hospital sentiasa di bawah pengawasan pihak polis atau penjara. Pihak hospital, Polis dan Jabatan Penjara mempunyai garis panduan bagi pengendalian banduan-banduan yang dimasukkan ke hospital yang perlu dipatuhi. Ini adalah bagi memastikan keselamatan kakitangan hospital dan pesakit-pesakit lain dalam wad berkenaan adalah terjamin. Mengikut polisi Keselamatan Hospital/Institusi, seorang penjenayah yang menerima rawatan di hospital mesti diiringi 24 jam oleh seorang anggota keselamatan dan katil pesakit tersebut adalah diletakkan ditempat yang bersesuaian.

Tuan Yang Di Pertua,

Perkhidmatan perawatan pesakit adalah 24 jam sehari untuk memastikan penjagaan perawatan pesakit diberikan secara optima. Sehubungan dengan itu, jururawat perlu bertugas secara bergilir mengikut tiga (3) syif dalam satu hari. Hari rehat akan diberikan satu hari bagi setiap enam (6) hari bekerja mengikut situasi semasa di tempat bertugas. Mengikut **Perintah Am Bab G 1.2 Waktu Bekerja Bukan Waktu Pejabat** ditetapkan oleh Ketua Jabatan mengikut keperluan serta kesesuaian jabatan berkenaan. Jadual tugas jururawat di hospital adalah seperti berikut:

- Tugas pagi dari jam 7.00 pagi hingga 2.00 petang (7 jam);
- Tugas petang dari jam 2.00 petang hingga 9.00 malam (7 jam);
dan
- Tugas malam dari jam 9.00 malam hingga 7.00 pagi (10 jam).

Penetapan jadual tugas adalah berdasarkan kepada pembahagian tugas (*assignment*), pengalaman, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mengikut disiplin. Jarak cuti mingguan dari minggu pertama hingga minggu kedua mungkin tidak dapat diberikan dalam tempoh 7 hari kerana pemberian cuti mingguan diberikan mengikut kesesuaian kepentingan perkhidmatan dan juga permohonan jururawat berkenaan. Walau bagaimanapun, cuti mingguan tetap diberi walaupun telah melebihi 7 hari dari cuti mingguan sebelumnya.

Beberapa usaha untuk mempertingkatkan taraf profesion jururawat telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), antaranya, meluluskan penambahan perjawatan bagi meringankan

beban kerja jururawat, terutama di hospital-hospital yang mempunyai beban kerja yang tinggi dan berisiko. Ini dapat dilihat dengan penambahan perjawatan pada tahun 2012. Mesyuarat Jemaah Menteri meluluskan KKM dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk melantik seramai 1,681 orang graduan jururawat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) secara berperingkat hingga tahun 2015. Selain itu, dalam pembentangan bajet 2014 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah meluluskan sebanyak 6,800 perjawatan jururawat.

Bagi memastikan keselamatan pelanggan perkhidmatan kesihatan dan anggota kejururawatan semasa melaksanakan tugas, semua jururawat memberikan perkhidmatan jagaan perawatan mengikut *Code of Professional Conduct for Nurses*, *Standard Operating Procedures*, dan terikat dengan Akta Jururawat 1950 dan Akta Bidan 1966.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**
[JELUTONG]

TARIKH : **11 MAC 2013 (SELASA)**

SOALAN : **69**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [JELUTONG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah kriteria komersial, teknikal dan *'industry track record'* yang membolehkan Puncak Semangat Sdn. Bhd. diberi kontrak untuk membina, mengendali dan mengurus infrastruktur Digital Terrestrial Television Broadcast (DTTB) di Malaysia. Nyatakan jadual penyiapan serta ketetapan perbelanjaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam proses penilaian tender terbuka Digital Terrestrial Television Broadcast (DTTB), bidaan Puncak Semangat merupakan bidaan terbaik daripada tiga bidaan yang telah disenarai pendek. Antara kriteria utama komersil dan teknikal yang diguna dalam bidaan terbuka ini ialah:

- a) Kadar akses platform DTTB yang paling kompetitif dan penyediaan pakej diskaun kepada penyiar-penyiar yang melancarkan 4 saluran secara minima;

SOALAN NO: 69

- b) Penyediaan platform tambahan DTTB yang membolehkan perkhidmatan seperti 'Pay per View', 'Video on Demand' dan 'Pay per Time' disediakan oleh penyiar kerajaan dan swasta pada masa hadapan;
- c) Perancangan penggunaan spektrum secara optima dan teliti untuk mengelakkan gangguan terhadap penyiaran analog sewaktu tempoh dwi penyiaran analog dan digital (*simulcast period*); dan
- d) Penggunaan teknologi terkini yang membolehkan penyiaran lebih banyak saluran DTTB dengan kualiti yang lebih baik serta perancangan liputan siaran DTTB yang komprehensif untuk mencapai 98% liputan ke kawasan berpenduduk.

Jadual penyiapan projek yang dijangka bagi liputan siaran DTTB akan mencapai tahap 50% pada suku ke-4 tahun 2014, dan *Analogue Switch Off* sebelum tahun 2020. Jadual ini tertakluk kepada persiapan prasarana di kesemua stesen pemancar TV diseluruh negara, keadaan cuaca serta faktor-faktor lain yang tidak dapat dielakkan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Shamsul Anuar bin
Haji Nasarah [LENGGONG]**

TARIKH : 11.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 70

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan mempunyai cadangan meletakkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di bawah Jabatan Perdana Menteri; dan
- (b) usaha yang telah, dan sedang dilakukan dalam usaha membasmi kemiskinan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawapan (a)

Buat masa ini, Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk meletakkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Jawapan (b)

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi membasmi kemiskinan rakyat antaranya pelaksanaan NKRA Mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah yang diterajui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar (NKRA RBI) yang diterajui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Kementerian ini telah dan sedang melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan luar bandar di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), Program Lonjakan Mega Luar Bandar

yang berkonsepkan Agropolitan serta lain-lain program pembasmian kemiskinan di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Lembaga Kemajuan Tanah (LKT) dan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW).

Bagi tahun 2014, Kementerian diberi peruntukan sebanyak RM334.44 juta untuk melaksanakan program pembasmian kemiskinan luar bandar. Di bawah SPKR, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM249 juta bagi melaksanakan lima program utama iaitu Program Bantuan Rumah, Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan dan Kemajuan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) dan Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP). Manakala di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar, Kementerian akan meneruskan pelaksanaan 9 projek Agropolitan dengan peruntukan sebanyak RM36.13 juta. Baki peruntukan yang lain disalurkan kepada RISDA, FELCRA, JAKOA, KEDA, KESEDAR, KEJORA dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) bagi melaksanakan program pembasmian kemiskinan di kawasan operasi masing-masing.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha membasmi kemiskinan rakyat terutamanya golongan miskin, miskin tegar di luar bandar. Secara dasarnya, usaha yang telah dan akan diambil bagi membasmi kemiskinan adalah seperti berikut:

- i. Memperkukuh dan memantapkan lagi usaha pelaksanaan program sedia ada di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dengan memberikan tumpuan yang lebih besar kepada:
 - a) Meningkatkan pendapatan bulanan kumpulan sasar Program Peningkatan Pendapatan (PPP).
 - b) Memperkukuh modal insan kumpulan sasar melalui pelaksanaan kursus dan latihan di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK).
 - c) Menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

- ii. Kerajaan akan terus meneruskan strategi pembangunan tanah yang bersepadu bagi melonjakkan ekonomi di kawasan yang mempunyai insiden kemiskinan yang tinggi di luar bandar melalui Projek Lonjakan Mega yang berkonsepkan Agropolitan dan Projek ladang sejahtera. Antara contoh projek-projek berkenaan adalah seperti Projek Agropolitan Pulau Banggi dan Pulau Gana di Sabah; Projek Agropolitan Batang Sadong, Agropolitan Batang Lupar, Agropolitan Pulau Buit dan Agropolitan Ulu Awik, Gunung Sadok di Sarawak serta Projek Ladang Sejahtera di Semenanjung Bengkoka, Sabah.
- iii. Meneruskan strategi dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas seperti pembinaan jalan luar bandar, bekalan air serta elektrik yang lebih baik bagi menangani fenomena kemiskinan di kalangan minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak.

- iv. Memperkukuh dan meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian program-program pembasmian kemiskinan melalui penubuhan "Focus Group" pembasmian Kemiskinan di peringkat nasional, negeri dan daerah yang akan berperanan dalam menyelia perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta penyaluran peruntukan bagi program/projek pembasmian kemiskinan.

- v. Kerajaan juga telah membangunkan pangkalan data kemiskinan nasional yang dikenali sebagai eKasih dan akan menjadi pusat rujukan utama dalam menyediakan profil komprehensif golongan miskin dan miskin tegar yang akan diberi bantuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BUJANG [SIBUTI]

TARIKH : 11 MAC 2014

RUJUKAN : 6472

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan memantau kegiatan keluar masuk di sempadan Miri-Brunei daripada kalangan pelawat asing seperti China, Filipina dan Indonesia yang menyalahgunakan pas lawatan dengan menjalankan aktiviti tidak bermoral di bandar-bandar besar seperti Miri hingga Sibiu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bidang tugas Jabatan Imigresen Malaysia secara umumnya merangkumi aspek kemasukan, keberadaan dan keluar dari negara ini. Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa memantau pergerakan keluar masuk rakyat asing di semua pintu masuk negara termasuk di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Sg. Tujuh, Miri, Sarawak yang merupakan pintu masuk negara di sempadan Miri-Brunei. Berdasarkan rekod pergerakan keluar masuk pelawat asing di CIQ Sg. Tujuh, seramai 26,327,092 orang pelawat asing telah menggunakan pintu masuk ini pada tahun 2013 manakala bagi tahun 2012 adalah seramai 24,519,892 orang.

Dalam usaha memantau kegiatan keluar masuk di sempadan Miri-Brunei daripada kalangan pelawat asing dari China, Filipina dan Indonesia yang menyalahgunakan pas lawatan dengan menjalankan aktiviti tidak bermoral, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah pencegahan dan kawalan seperti berikut:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;

- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);**

- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA);**

- v) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan**

- vi) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti kawasan luar bandar, kawasan bandar dan premis majikan yang menggaji pekerja asing serta institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.**